


# Bicara Budiman

SURATMAN MARKASAN:

*Catatan Seorang Cendekia*



SARANAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN  
SEKOLAH MENENGAH DAN MAKTAB RENDAH

# Bicara Budiman

SURATMAN MARKASAN:

*Catatan Seorang Cendekia*

DIUSAHAKAN BERSAMA:



*Norhayati Awang*

Pengarah Pusat Bahasa Melayu Singapura

*Muhamad Rafi Abu Bakar*

Guru Pakar

Pusat Bahasa Melayu Singapura

*Rahmat Subadah*

Guru Pakar

Pusat Bahasa Melayu Singapura

*Elyyah Kamsin*

Jurulatih Pusat

Pusat Bahasa Melayu Singapura

*Nurul Huda Muhammad Yassin*

Jurulatih Pusat

Pusat Bahasa Melayu Singapura

Julai 2024 @ MLCS 2024

ISBN: 978-981-94-0507-7

Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah Menengah dan Maktab Rendah Bicara Budiman Suratman Markasan dihasilkan khusus untuk rujukan guru-guru bahasa Melayu Singapura yang mengajar di sekolah rendah, menengah dan maktab rendah mahupun institut pusat. Bahan ini hanya boleh dikeluarkan ulang untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sahaja dan bukan untuk tujuan-tujuan yang lainnya.

Diterbitkan oleh:

Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Akademi Guru Singapura  
Kementerian Pendidikan Singapura

Academy  
of Singapore  
teachers  
*lead. care. inspire.*

  
Ministry of Education  
SINGAPORE

  
MALAY  
LANGUAGE  
CENTRE OF SINGAPORE

# Kandungan

## Seulas Pinang

### Episod 1: Menongkah Arus

- Saranan 1
- Saranan 2
- Saranan 3
- Saranan 4
- Saranan 5
- Saranan 6
- Saranan 7
- Saranan 8
- Saranan 9

### Episod 2: Mencorak Watan

- Saranan 1
- Saranan 2
- Saranan 3
- Saranan 4

### Episod 3: Mengukir Juang

- Saranan 1
- Saranan 2
- Saranan 3
- Saranan 4

### Episod 4: Menyulam Aksara

- Saranan 1
- Saranan 2
- Saranan 3
- Saranan 4

### Episod 5: Menjulung Anugerah

- Saranan 1
- Saranan 2
- Saranan 3
- Saranan 4

### Deklamasi Syak

- Hati Yang Kosong
- Jalan Permulaan
- Doa dan Wasiat
- Potret Isteri Yang Hilang
- Yang Bernama Guru





# Senlas Pinang

Salam sejahtera kepada para pembaca yang budiman.

Syukur Alhamdulillah Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS), Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura telah berjaya menerbitkan sebuah lagi bahan penerbitan 'Bicara Budiman - Suratman Markasan: Catatan Seorang Cendekia' berbentuk digital untuk kegunaan dan rujukan para guru dan pelajar bahasa Melayu termasuklah pengguna bahasa Melayu di Singapura. Buku ini merupakan penerbitan siri yang ketiga dalam usaha MLCS untuk memperkenalkan tokoh-tokoh setempat yang telah banyak menyumbangkan jasa dan khidmat kepada bahasa, sastera dan budaya Melayu di Singapura.



Dalam usaha untuk memperkenalkan Cikgu Suratman Markasan sebagai tokoh guru dan penggiat sastera yang ulung, MLCS turut menyediakan Buku Panduan 'Bicara Budiman Suratman Markasan: Catatan Seorang Cendekia' untuk kegunaan guru dan pelajar. Buku Panduan ini berdasarkan Video Dokumentari Suratman Markasan – Catatan Seorang Cendekia yang telah diterbitkan seperti yang dinyatakan di atas.

Buku Saranan Pengajaran dan Pembelajaran ini bertujuan untuk menyokong dan memberikan saranan bagaimana guru-guru di peringkat sekolah menengah dan maktab rendah boleh menyesuaikan dan menggunakan bahan yang disediakan ini bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan sesuai dengan peringkat umur pelajar.

Semoga bahan yang diterbitkan ini memberi manfaat dan dapat digunakan sebaik-baiknya oleh para guru demi menyuntik rasa kecintaan dan penghargaan dalam kalangan pelajar terhadap bahasa Melayu dan juga mengenali tokoh penting yang telah mewarnai dan mencorakkan landskap perkembangan bahasa dan sastera Melayu di Singapura.

Guru Budiman, Pelajar Cemerlang!

*Norhayati*

Norhayati Awang  
Pengarah, Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Akademi Guru Singapura  
Kementerian Pendidikan Singapura



# Episod 1

## *Menongokkah Agus*



# Episod 1

02

## Menongkah Arus

### Episod Menongkah Arus



### SINOPSIS

Episod 'Menongkah Arus' memaparkan kehidupan awal Cikgu Suratman Markasan. Video ini mengisahkan bagaimana beliau menongkah arus kehidupan dalam keluarga yang serba kekurangan di Kampung Berek Masak Getah, Pasir Panjang sewaktu zaman kanak-kanak. Ia juga mengisahkan tentang bagaimana beliau melalui zaman kanak-kanak yang berwarna-warni yang tidak kurang seronoknya. Turut dipaparkan, tekad Cikgu Suratman menuntut ilmu yang tidak pernah kendur walaupun terpaksa menempuh pelbagai kesempitan hidup dan cabaran semasa zaman awal persekolahan. Semangat dan usaha gigih beliau dalam menuntut ilmu telah membuka peluang untuk beliau menuntut ilmu jauh di perantauan.



# Saravanan 1

Kemahiran: Interaksi Lisan, Menulis & Bertutur

## Objektif:

- Pelajar dapat berkongsi idea dan pendapat dengan rakan berdasarkan penontonan video.

## Hasil Pembelajaran Umum:

- Berinteraksi secara lisan dengan jelas, lancar dan berkesan sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (5.0)

## Hasil Pembelajaran Khusus:

- Berbincang untuk mengemukakan idea/ pendapat/ pandangan tentang sesuatu perkara (5.3)



Cikgu Suratman Markasan bersama kakak dan adik



Cikgu Suratman Markasan di bilik guru



# Langkah-langkah

No.	Langkah-langkah
1	Pelajar menonton episod Menongkah Arus (0:00-03:15).
2	<p>Pelajar melengkapkan penyusun grafik dan berbicara secara verbal dengan rakan-rakan (rujuk lampiran A), dengan menjawab soalan-soalan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nyatakan cabaran yang dihadapi Cikgu Suratman semasa kehidupan kecilnya.</li> <li>• Bagaimanakah beliau menyelesaikan masalah yang dihadapi?</li> <li>• Apakah pengajaran yang dapat kamu raih daripada pengalaman Cikgu Suratman?</li> </ul>



**Cikgu Suratman Markasan di kelas mengaji di Pasir Panjang 1938**



# Lampiran A- Lembaran Penyusun Grafik

## LEMBARAN PENYUSUN GRAFIK



### Cabaran

- Nyatakan cabaran yang dihadapi Cikgu Suratman semasa kehidupan kecilnya.



### Penyelesaian

- Bagaimanakah beliau menyelesaikan masalah yang dihadapi?



### Pengajaran

- Apakah pengajaran yang dapat kamu raih daripada pengalaman Cikgu Suratman?



# Penilaian (Penilaian Rakan Sebaya)

No.	Langkah-langkah
1	Pelajar mengisi senarai semak berdasarkan jawapan rakan (berdasarkan borang Anekdotal CPDD) (rujuk lampiran B).
2	Semasa melengkapkan senarai semak, pelajar boleh bertanyakan soalan kepada rakan penyampai untuk mendapatkan penjelasan.

## Lampiran B- Senarai Semak

# Senarai SEMAK



NAMA RAKAN \_\_\_\_\_  
SAYA

No	RAKAN SAYA DAPAT...	<input checked="" type="checkbox"/>
1	mengemukakan pandangan tentang topik	<input type="checkbox"/>
2	mengaitkan gambar-gambar dengan idea utama	<input type="checkbox"/>
3	menerangkan pandangan dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai.	<input type="checkbox"/>
4	berbincang bersama rakan tentang topik	<input type="checkbox"/>
5	menggunakan kosa kata yang sesuai untuk menjelaskan idea	<input type="checkbox"/>



# Saranan 2

## *Kemahiran Menulis & Bertutur*

### **Penulisan Nota/Kad Penghargaan**

- Menulis kad penghargaan dan berkongsi dengan rakan sekelas



### **Hasil Pembelajaran Umum:**

- Menulis pelbagai teks dengan jelas dan berkesan sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (menggunakan kosa kata yang sesuai, bahasa yang gramatis dan gaya bahasa yang betul) (4.0).
- Bertutur dengan fasih sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (2.0)

### **Hasil Pembelajaran Khusus:**

- Mengembangkan idea yang dijana dengan perincian yang sesuai dan mencukupi menggunakan kosa kata yang sesuai. (4.1)
- Bertutur untuk menyampaikan sesuatu perkara (menyampaikan semula sesuatu isi) (2.2)



# Langkah-langkah

No.	Langkah-langkah
1	Pelajar menonton episod Menongkah Arus dan melengkapkan Lembaran Penyusun Grafik- Lampiran C.
2	Kisah Cikgu Suratman Markasan mengharungi cabaran menimba ilmu telah memberi motivasi kepada kamu untuk terus berusaha sehingga berjaya. Tulis sebuah nota penghargaan kepada Cikgu Suratman untuk mengucapkan terima kasih kepada beliau.
3	Guru boleh mendapatkan pelajar agar merujuk panduan menulis kad penghargaan dalam buku teks JATi 1G2 (1B) Unit 8 (Kebaikan itu Percuma) halaman 52-53 untuk menulis kad penghargaan.
4	Pelajar berkongsi hasil kad penghargaan kepada rakan sekelas.



Lukisan Cikgu Suratman Markasan

## Lampiran C- Lembaran Penyusun Grafik

# PENYUSUN

## Grafik



Nyatakan **perkara-perkara yang menarik** perhatian kamu semasa menonton video.

**Mengapakah** perkara-perkara tersebut menarik perhatian kamu?



Apakah **pengajaran yang dapat kamu raih** daripada pengalaman Cikgu Suratman?





# PENYUSUN

## Grafik



Nyatakan **perkara-perkara yang menarik** perhatian kamu semasa menonton video.

**Mengapakah** perkara-perkara tersebut menarik perhatian kamu?



Apakah **pengajaran yang dapat kamu raih** daripada pengalaman Cikgu Suratman?



# Saranan 3



- **Kemahiran Membaca & Memahami (*Memahami Isi Utama*)**
- **Kemahiran Menulis**


## Hasil Pembelajaran Umum:

- Menulis pelbagai teks dengan jelas dan berkesan sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (4.0)

## Hasil Pembelajaran Khusus:

- Menghasilkan pelbagai penulisan berbentuk naratif (4.2)
- Menghasilkan pelbagai penulisan berbentuk informatif (4.3)
- Menyemak dan menyunting teks (4.4)

# Langkah-langkah



No.	Langkah-langkah
1	Pelajar menonton episod Menongkah Arus tentang perjuangan Cikgu Suratman dalam menempuh kesukaran hidup.
2	<p>Guru mendapatkan pelajar melengkapkan Penyusun Grafik untuk mencungkil isi-isi utama dalam episod. (<u>rujuk Lampiran C</u>). Isi-isi menarik yang boleh pelajar isikan termasuklah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nama kampung Cikgu Suratman</li> <li>• Permainan yang dimainkan</li> <li>• Sebab Cikgu Suratman berhenti sekolah</li> <li>• Pekerjaan yang dilakukan semasa kanak-kanak</li> <li>• Sebab Cikgu Suratman mula menulis dan menjadi guru.</li> </ul>
3	Guru boleh meminta pelajar berkongsi perkara-perkara lain yang menarik perhatian mereka semasa menonton video tersebut.
4	Merujuk kepada <u>Lampiran D</u> atau Buku Teks Jati 1G2 Unit 5 (Kisah Kita) Bahagian 3 ms 13 sebagai panduan, guru mendapatkan pelajar merancang penulisan hantaran mereka.
5	Pelajar menulis hantaran dalam bentuk ayat yang lengkap. dan mengirimkan hantaran tersebut pada ruangan/platform yang sesuai, misalnya, Padlet dan sebagainya.

# Lampiran D- Hantaran Media Sosial

Hantaran Media Sosial

## Cikgu Suratman Markasan



Tajuk Hantaran

Ayat Pembuka

Ceritakan Peristiwa

Selitkan Peribahasa

Kosa Kata Menarik



Hantaran Media Sosial

# Cikgu Suratman Markasan



Tajuk Hantaran

Ayat Pembuka

Ceritakan Peristiwa

Selitkan Peribahasa

Kosa Kata Menarik

# Penilaian (Penilaian Rakan Sebaya)


No.	Langkah-langkah
1	<p>Pelajar diminta menilai hasil kerja rakan dengan memberikan komen berdasarkan panduan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 3 perkara menarik berkenaan hantaran rakan saya</li> <li>• 2 perkara yang boleh diperbaik</li> <li>• 1 perkara yang boleh ditambah</li> </ul>

## Lampiran E- 3-2-1

Nama:

Kelas:


### Renungan 3-2-1

3 perkara menarik berkenaan hantaran   
rakan saya

1. \_\_\_\_\_

2. \_\_\_\_\_

3. \_\_\_\_\_

2 perkara yang boleh diperbaik 

1. \_\_\_\_\_

2. \_\_\_\_\_

1 perkara yang boleh ditambah 

1. \_\_\_\_\_

Nama:

Kelas:

# Renungan 3-2-1

3 perkara menarik berkenaan hantaran   
rakan saya

1.  

---

2.  

---

3.  

---


2 perkara yang boleh diperbaiki 

1.  

---

2.  

---

1 perkara yang boleh ditambah 

1.  

---


# Saranan 4

## Latihan Pengetahuan Bahasa

1. Pelajar diajak menonton episod Menongkah Arus.
2. Pelajar mengenal pasti kosa kata baharu yang dipelajari.
3. Kemudian, pelajar melengkapkan lembaran silang kata. (Rujuk Lampiran F).
4. Pelajar melengkapkan kuiz Kahoot berkenaan kosa kata baharu yang dipelajari (klik [pautan ini](#) atau imbas kod QR di bawah ini)



# Bicara Budiman Suratman Markasan: Menongkah Arus Lampiran F - Silang Kata



### Melintang

1. Nama kampung tempat Cikgu Suratman tinggal dahulu ialah Kampung \_\_\_\_\_ Masak Getah.
2. \_\_\_\_\_ huruf, Tidak tahu membaca.
3. Ayah Cikgu Suratman bekerja di sebuah \_\_\_\_\_ yang dimiliki oleh seorang Belanda.
4. Melawan aliran: \_\_\_\_\_ arus

### Menegak

5. Cikgu Suratman Markasan telah \_\_\_\_\_ pelajarannya ke Sultan Idris Teachers' College pada tahun 1948.
6. Cikgu Suratman menekankan kepentingan belajar supaya dapat mempertingkatkan ilmu \_\_\_\_\_.
7. Cikgu Suratman Markasan menjahit lubang \_\_\_\_\_ di suatu kem tentera sebagai salah satu cara membiayai yuran persekolahannya.

# Bicara Budiman Suratman Markasan: Menongkah Arus Lampiran Silang Kata - Jawapan

									<sup>5</sup> M		
						<sup>1</sup> B	E	R	E	K	
				<sup>6</sup> P					L		
				E		<sup>2</sup> B	<sup>7</sup> U	T	A		
				N		U			N		
				G		T			J		
				E		A			U		
				T		N			T		
	<sup>3</sup> K	I	L	A	N	G			K		
				H					A		
				U					N		
				A							
		<sup>4</sup> M	E	N	O	N	G	K	A	H	


## Melintang

1. Nama kampung tempat Cikgu Suratman tinggal dahulu ialah Kampung \_\_\_\_\_ (BEREK) Masak Getah.
2. \_\_\_\_\_ (BUTA) huruf, Tidak tahu membaca.
3. Ayah Cikgu Suratman bekerja di sebuah \_\_\_\_\_ (KILANG) yang dimiliki oleh seorang Belanda.
4. Melawan aliran: \_\_\_\_\_ (MENONGKAH) arus

## Menegak

5. Cikgu Suratman Markasan telah \_\_\_\_\_ (MELANJUTKAN) pelajarannya ke Sultan Idris Teachers' College pada tahun 1948.
6. Cikgu Suratman menekankan kepentingan belajar supaya dapat mempertingkatkan ilmu \_\_\_\_\_ (PENGETAHUAN).
7. Cikgu Suratman Markasan menjahit lubang \_\_\_\_\_ (BUTANG) di suatu kem tentera sebagai salah satu cara membiayai yuran persekolahannya.

# Sarawan 5



Cikgu Suratman Markasan di Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim (SITC)

## Kemahiran Mendengar & Melihat


### Hasil Pembelajaran Umum:

- Mendengar pelbagai teks lisan (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk memberikan respons berdasarkan konteks, tujuan dan khalayak (1.0)

### Hasil Pembelajaran Khusus:

- menghubungkan maklumat dengan pengalaman peribadi (1.2)
- menghubungkan maklumat dengan kehidupan sebenar (1.2)

# Langkah-langkah



No.	Langkah-langkah
1	Pelajar menonton episod Menongkah Arus. Kemudian, pelajar menghasilkan jalur masa kehidupan Cikgu Suratman.
2	Pelajar juga boleh menghasilkan infografik berkenaan perjalanan pendidikan Cikgu Suratman Markasan.
3	Berdasarkan infografik yang dihasilkan, pelajar boleh diajak merancang perjalanan pendidikan mereka untuk mencapai cita-cita yang dikehendaki.







# Sarahan 6

**Kemahiran:** Mendengar, Bertutur dan Interaksi lisan

**Topik/tema:** Mengenal tokoh tempatan

**Objektif:**

- menonton dan mendengar tentang kisah Cikgu Suratman semasa kanak-kanak dan zaman persekolahan beliau; dan
- menyampaikan pandangan tentang kehidupan kanak-kanak dan zaman persekolahan Cikgu Suratman Markasan.

**Nota:** Pelajaran ini boleh dibina dan disusun dalam portal SLS menggunakan pengalaman pembelajaran pemerolehan (*Acquisition*).



# Langkah-langkah


No.	Langkah-langkah
1	Guru memaparkan beberapa buku antologi sajak, cerpen dan novel hasil karya Cikgu Suratman Markasan menggunakan slaid PPT atau membawa buku-buku tersebut ke bilik darjah – untuk memperkenalkan Cikgu Suratman sebagai tokoh guru dan sasterawan ulung Singapura.
2	Guru juga boleh memainkan video trailer pelancaran ‘Video Dokumentari Bicara Budiman Suratman Markasan: Catatan Seorang Cendekia’ untuk memperkenalkan Cikgu Suratman.
3	Menggunakan strategi KWL, guru meminta pelajar menyatakan perkara yang mereka tahu tentang Cikgu Suratman, dan beberapa perkara yang mereka ingin tahu tentang Cikgu Suratman Markasan (Rujuk Lampiran G).
4	Pelajar menonton episod ‘Menongkah Arus’ secara sendiri atau seluruh kelas.
5	Pelajar diminta untuk mencatat perkara-perkara penting tentang Cikgu Suratman Markasan (rujuk Lampiran H) sambil menonton klip video. Guru boleh menyediakan ruang dalam Padlet untuk mencatat apa yang ditonton atau dalam SLS.
6	Setelah itu, pelajar menyatakan satu perkara yang menarik perhatian mereka mengenai klip video tersebut.
7	Pelajar juga boleh menceritakan semula pengalaman Cikgu Suratman mula-mula bersekolah.
8	Guru meminta pelajar berkongsi dan menyatakan satu pengajaran yang boleh mereka pelajari daripada klip video tersebut.

## Lampiran G- KWL

Apa yang saya tahu	Apa yang ingin saya tahu	Apa yang saya pelajari
<p>Catat dan kongsi apa yang kamu tahu tentang Cikgu Suratman Markasan</p>	<p>Catat dan kongsi apa yang ingin kamu tahu tentang Cikgu Suratman Markasan</p>	<p>Catat dan kongsi apa yang telah kamu pelajari tentang Cikgu Suratman Markasan</p>



# Lampiran H- Catatan Tentang Cikgu Suratman Markasan





# Saranan 7

**Kemahiran:**

Mendengar, Melihat & Bertutur

**Topik/tema:**

Permainan Tradisional

**Objektif:**

- mengenal satu permainan yang sering dimainkan oleh kanak-kanak dahulu;
- berbincang dan membandingkan permainan dahulu dengan permainan sekarang; dan
- menjalankan kajian untuk memperkenalkan satu permainan tradisional menggunakan wadah video (atau pelbagai mod).

# Langkah-langkah



No.	Langkah-langkah
1	Guru menggunakan slaid PPT atau video untuk merangsang pelajar berfikir tentang permainan-permainan yang gemar dimainkan oleh kanak-kanak atau pelajar zaman sekarang
2	Guru meminta pelajar menonton klip video ' <u>Menongkah Arus</u> ' mengenai satu permainan yang dimainkan oleh Cikgu Suratman Markasan semasa beliau masih kecil.
3	<p>Setelah itu, pelajar memberikan pandangan tentang permainan yang dimainkan tadi. Guru oleh mengajukan beberapa soalan untuk merangsang pelajar memberikan pandangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengapakah Cikgu Suratman dan rakan-rakannya bermain permainan tersebut?</li> <li>• Apakah permainan-permainan yang kamu tahu dimainkan oleh kanak-kanak zaman dahulu?</li> </ul>
4	Guru meminta pelajar berbincang tentang permainan-permainan zaman dahulu dengan permainan yang dimainkan oleh kanak-kanak sekarang.
5	Pelajar memberikan pandangan mereka tentang perbezaan dan persamaan permainan kanak-kanak zaman dahulu dengan zaman sekarang.
6	Secara berkumpulan, guru memberikan tugas untuk pelajar membuat kajian tentang satu permainan tradisional. Setiap kumpulan perlu menghasilkan sebuah video 3-5 minit untuk mempromosikan permainan tersebut kepada rakan-rakan mereka. Pelajar melakar papan cerita untuk menceritakan tentang permainan tradisional yang akan dibina dalam bentuk video (Rujuk Lampiran J & K).

# Lampiran J- Permainan Dahulu dan Sekarang – Persamaan dan Perbezaan

**PERMAINAN DAHULU**

- 
- 
- 
- 
- 

**PERMAINAN SEKARANG**

- 
- 
- 
- 
- 

**PERSAMAAN**


- 
- 
- 
- 
- 

**PERBEZAAN**

- 
- 
- 
- 
- 



## Lampiran K - Papan Cerita





# Saranan B



Kemahiran Menulis



Topik/Tema: Zaman Kanak-kanak & Alam Persekolahan

## Objektif

- Menonton dan memahami video 'Menongkah Arus'; dan
- Menulis sebuah karangan naratif bertajuk:

***Sebuah peristiwa yang tidak dapat saya lupakan semasa zaman kanak-kanak.***

# Langkah-langkah


No.	Langkah-langkah
1	<p>Guru melaksanakan aktiviti induksi dengan bertanyakan beberapa soalan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kongsi satu pengalaman semasa kamu kecil atau semasa kamu berada di sekolah rendah.</li> <li>• Ceritakan tentang kawan rapat kamu semasa di sekolah rendah.</li> <li>• Ceritakan satu peristiwa sedih atau gembira yang kamu alami semasa kamu kanak-kanak.</li> </ul>
2	<p>Guru menjelaskan bahawa setiap orang pasti melalui zaman kanak-kanak atau alam persekolahan di sekolah rendah. Pengalaman yang dialami bermacam-macam. Ada pengalaman yang lucu, sedih, gembira, manis, indah dan sebagainya.</p>
3	<p>Guru meminta pelajar menonton klip video ‘<u>Menongkah Arus</u>’ secara keseluruhan. Aktiviti ini boleh ditonton secara individu atau secara seluruh kelas. Cikgu juga boleh menggunakan platform SLS membina pelajaran berdasarkan pengalaman pembelajaran pemerolehan.</p>
4	<p>Guru menyediakan soalan-soalan refleksi untuk pelajar memberikan input setelah menonton klip video dengan soalan-soalan rangsangan.</p>





# Langkah-langkah

No.	Langkah-langkah
5	Guru meminta pelajar untuk memikirkan satu peristiwa yang mereka alami yang tidak dapat mereka lupakan dan mencatat peristiwa tersebut dengan menggunakan soalan-soalan 5W1H (apa, bila, siapa, mengapa, bagaimana).
6	Pelajar diminta untuk merancang dan menulis sebuah cerita ringkas berkaitan peristiwa yang tidak dapat mereka lupakan berpandukan urutan kronologi. Guru menjelaskan tentang Struktur Plot Kronologi.
7	Kemudian, pelajar menggunakan templat Menulis Karangan Naratif (Rujuk Lampiran L).
8	Pelajar juga digalakkan untuk membubuhkan atau melukis gambar atau objek untuk mengaitkan peristiwa yang mereka tidak dapat lupakan. Pelajar perlu menjelaskan mengapa objek tersebut dipilih untuk melambangkan peristiwa yang tidak dapat dilupakan itu.



# Lampiran L- Templat Merancang Karangan Naratif



# Saranan 9

## Kemahiran Mendengar & Bertutur



## Topik/Tema: Cita-Cita dan Harapan

### Objektif:

- memahami idea utama berkaitan perkara yang ditonton; dan
- berkongsi dan berbincang serta memberikan respons yang sesuai berkaitan cita-cita dan aspirasi.

# Langkah-langkah

No.	Langkah-langkah
1	Guru boleh menyediakan gambar atau video mengenai beberapa tokoh tempatan yang telah berjaya (bahan-bahan ini boleh diambil daripada berita tempatan) atau tokoh remaja yang menjadi idola mereka.
2	Guru bertanyakan soalan tentang aspirasi, cita-cita dan harapan mereka untuk masa hadapan.
3	Guru menerangkan bahawa pelajar akan menonton sebuah klip video tentang seorang tokoh tempatan yang terkenal. Guru boleh memaparkan gambar Cikgu Suratman dan bertanyakan kepada pelajar sekiranya mereka kenal siapa itu Cikgu Suratman Markasan.
4	Setelah itu guru meminta pelajar menonton klip video ' <u>Menongkah Arus</u> ' (4:40-6:16) mengenai cita-cita dan aspirasi Cikgu Suratman Markasan. Guru boleh memainkan klip video sepenuhnya atau mengikut jangka masa yang ditetapkan.
5	Guru meminta pelajar bekerjasama dan mencari maklumat tentang Cikgu Suratman di Internet (15 minit). Pelajar diminta untuk mencatat maklumat atau mengambil gambar tentang Cikgu Suratman dan berkongsi perkara yang mereka tahu tentang Cikgu Suratman.



# Langkah-langkah



No.	Langkah-langkah
6	Guru meminta pelajar untuk memberikan pandangan mengenai aspirasi dan cita-cita Cikgu Suratman Markasan.
7	Setelah itu, guru meminta pelajar untuk melakukan refleksi dan mencatat refleksi mereka mengenai cita-cita dan harapan mereka secara individu.
8	Setelah itu, setiap pelajar diminta untuk berkongsi tentang cita-cita dan harapan mereka pada masa hadapan.
9	Ketika setiap pelajar berkongsi tentang cita-cita dan harapan mereka untuk masa hadapan, pelajar lain harus menghargai perkongsian tersebut dan tidak mentertawakan perkongsian rakan.
10	Guru membuat kesimpulan bahawa setiap pelajar mampu dan boleh mencapai apa yang mereka harapkan dengan usaha yang gigih dan tekun.





# Episod 2

## Mencorak Watan



# Episod 2

37


## Mencorak Watan

### Episod Mencorak Watan



### SINOPSIS

Episod 'Mencorak Watan' merungkai titik permulaan bagaimana Cikgu Suratman Markasan membina budaya menulis dan mencorak perkembangan sastera watan. Melalui kepimpinan beliau, ASAS'50 dapat diubah dan dicorak sebagai satu organisasi yang merupakan satu Kumpulan intelegensia Melayu Singapura ketika itu. Turut dipaparkan juga, bagaimana sebagai seorang guru beliau dapat mendidik dan meninggalkan kesan dan impak beliau amat dirasai anak didik beliau sehingga hari ini. Kita juga mempelajari bagaimana Cikgu Suratman mendeklamasikan sajak-sajak beliau yang disampaikan dengan penuh perasaan.



# Saranan 1

## KEMAHIRAN MENULIS MENJANA IDEA PENULISAN NARATIF

### Tema:

Menggunakan Idea  
Cikgu Suratman untuk  
menulis sesuatu karya

1. Fakta
2. Imajinasi
3. Motif



### Hasil Pembelajaran Umum:

- Menulis pelbagai teks dengan jelas dan berkesan sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (4.0)

### Hasil Pembelajaran Khusus:

- Mengembangkan idea yang dijana (4.1)
- Menghasilkan pelbagai penulisan berbentuk naratif (4.2)
  - Menulis teks naratif yang menunjukkan fakta dalam cerita



# Langkah-langkah

No.	Langkah-langkah
1	<p>Guru memaparkan objektif pembelajaran dan mendapatkan pelajar menonton episod Mencorak Watan tentang pendapat Cikgu Suratman Markasan berkenaan penulisan yang baik.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Fakta</li> <li>• Imajinasi</li> <li>• Motif</li> </ul>
2	<p>Guru menunjukkan contoh penulisan yang menggunakan teknik Cikgu Suratman yang dipaparkan. (Lihat Buku Teks Jati HML Menengah 3 Halaman 128-129.)</p>
3	<p>Guru mendapatkan pelajar menggariskan bahagian dalam penulisan yang menggariskan bahagian yang memaparkan fakta, imajinasi dan motif dalam penulisan tersebut.</p>
4	<p>Kemudian, pelajar meneliti Buku Aktiviti halaman 87-88. Pelajar memilih 1 senario dan mencari fakta, imajinasi dan motif yang sesuai untuk menghasilkan penulisan naratif yang mengandungi 3 perkara tersebut.</p>
5	<p>Pelajar mencari fakta yang sesuai kemudian senario diolah mengikut imajinasi dan motif.</p>
6	<p>Beberapa pelajar akan diminta untuk berkongsi hasil kerja mereka dan guru memberi input berdasarkan perkongsian pelajar.</p>

**Nota:** Pelajaran ini menggunakan bahan Jati Menengah 3G3 Bahasa Melayu Lanjutan Unit 5: Meski Tertimbun dalam Tanah, Namun Teras Timbul Juga.





# Sarahan 2

## KEMAHIRAN MENDENGAR & MELIHAT KEMAHIRAN BERTUTUR

### Hasil Pembelajaran Umum:

- Mendengar pelbagai teks lisan (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk memberikan respons berdasarkan konteks, tujuan dan khalayak (1.0)
- Bertutur dengan fasih sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (2.0)



### Hasil Pembelajaran Khusus:

- Mendengar penerangan dalam video untuk menganalisis maklumat mengenai tokoh, sumbangan tokoh dan ciri-ciri ketokohan (1.3)
- Bertutur dengan yakin, berkesan dan jelas (2.1)
- Bertutur untuk menyampaikan sesuatu perkara (2.2)





# Langkah-langkah

No.	Langkah-langkah
1	<p>Pelajar menonton siri video dokumentari Bicara Budiman: Suratman Markasan (Mencorak Watan) kemudian menjawab soalan-soalan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nyatakan sumbangan-sumbangan Cikgu Suratman kepada ASAS '50 dan impaknya kepada masyarakat.</li> <li>• Jelaskan perkara-perkara baharu yang dimulakan serta kesan-kesannya.</li> <li>• Nyatakan keperibadian &amp; ciri-ciri ketokohan (sejagat) yang terdapat pada Cikgu Suratman.</li> </ul>
2	<p>Guru meminta pelajar menghasilkan sebuah poster/video tiktok berkenaan perkara sumbangan beliau dan kongsi dengan rakan-rakan.</p>



**Nota:** Pelajaran ini menggunakan bahan:

- Jati Menengah 3G3 Bahasa Melayu Lanjutan Unit 3 (Usahlah Acuh Tak Acuh) &
- Jati Menengah 3G2 Unit 3 (Yang Baik Dijadikan Teladan)



## Lampiran M- Sumbangan Cikgu Suratman

Sumbangan

### Cikgu Suratman Markasan



Nyatakan sumbangan-sumbangan Cikgu Suratman kepada ASAS 50 dan impaknya kepada masyarakat.

Jelaskan perkara-perkara baharu yang dimulakan serta kesan-kesannya.

Nyatakan keperibadian & ciri-ciri ketokohan (sejagat) yang terdapat pada Cikgu Suratman.

# Cikgu Suratman Markasan



Nyatakan sumbangan-sumbangan Cikgu Suratman kepada ASAS '50 dan impaknya kepada masyarakat.

Jelaskan perkara-perkara baharu yang dimulakan serta kesan-kesannya.

Nyatakan keperibadian & ciri-ciri ketokohan (sejagat) yang terdapat pada Cikgu Suratman.

# Saranan 3

## Kemahiran Bertutur & Interaksi Lisan

### Hasil Pembelajaran Umum:

- Bertutur dengan fasih sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (2.0)
- Berinteraksi secara lisan dengan jelas, lancar dan berkesan sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (5.0)

### Hasil Pembelajaran Khusus:

- Bertutur dengan yakin, berkesan dan jelas (2.1)
- Bertutur untuk menyampaikan sesuatu perkara (2.2)
- Bertutur untuk menerangkan idea/pendapat/pandangan (2.3)
- Berbincang untuk mengemukakan idea/pendapat/pandangan tentang sesuatu perkara (5.2)
- Bersoal jawab tentang sesuatu perkara untuk mendapatkan maklumat lanjut (5.1)



# Langkah-langkah

No.	Langkah-langkah
1	Pelajar menonton video kemudian berdasarkan video, memikirkan jawapan bagi soalan berikut.
2	Kemudian, pelajar melengkapkan penyusun grafik yang disediakan (Rujuk Lampiran N): <ul style="list-style-type: none"><li>• Nyatakan kesan/pengaruh Cikgu Suratman terhadap Cikgu Maarof Salleh.</li><li>• Bagaimanakah pengaruh Cikgu Suratman menyumbang kepada kejayaan Cikgu Maarof kini?</li><li>• Berikan contoh-contoh yang sesuai.</li></ul>
3	Dalam pasangan, pelajar berinteraksi secara lisan dengan pasangan berkenaan soalan-soalan tersebut.





# Lampiran N- Lembaran Penyusun Grafik

## LEMBARAN PENYUSUN GRAFIK



### Pengaruh

- Nyatakan kesan/pengaruh Cikgu Suratman terhadap Cikgu Maarof Salleh. .



### Menyumbang pada Kejayaan

- Bagaimanakah pengaruh Cikgu Suratman menyumbang kepada kejayaan Cikgu Maarof kini?



### Contoh

- Berikan contoh-contoh yang sesuai.



# Penilaian (Penilaian Rakan Sebaya)

No.	Langkah-langkah
1	Rakan yang mendengar menilai rakan mereka menggunakan senarai semak Interaksi Lisan yang disediakan. (Rujuk Lampiran O).

## Lampiran O- Senarai Semak Interaksi Lisan

Pencapaian Rakan Saya (Rakan saya telah...)					
Sikap	✓	Kemahiran Sosial	✓	Bahasa	✓
Menyumbang idea yang sesuai		Bertutur mengikut giliran		Memberikan pandangan dengan jelas	
Menghormati pendapat saya		Memberikan pendapat pada masa yang sesuai		Menjawab soalan dengan bahasa yang gramatis	
Mendengar dengan teliti apabila saya sedang bertutur		Menyatakan pendapat dengan sopan		Menggunakan sebutan baku	
Bersetuju untuk tidak bersetuju		Menyokong pandangan saya dengan tambahan yang sesuai		Menggunakan kata panggilan yang sesuai	



# Lampiran O- Senarai Semak Interaksi Lisan


Nama rakan saya: \_\_\_\_\_

## Hasil pembelajaran Umum:

- Berinteraksi secara lisan dengan jelas, lancar dan berkesan sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (5.0)
- Bersoal jawab tentang sesuatu perkara untuk mendapatkan maklumat lanjut (5.1)
- Berbincang untuk mengemukakan idea/ pendapat/ pandangan tentang sesuatu perkara (5.2)
- Berbincang untuk menyokong atau menolak pandangan orang lain bagi mencapai keputusan(5.3)

**Arahan:** Tandakan ✓ pada butiran yang relevan dengan interaksi kamu bersama pasangan.

Pencapaian Rakan Saya (Rakan saya telah...)					
Sikap	✓	Kemahiran Sosial	✓	Bahasa	✓
Menyumbang idea yang sesuai		Bertutur mengikut giliran		Memberikan pandangan dengan jelas	
Menghormati pendapat saya		Memberikan pendapat pada masa yang sesuai		Menjawab soalan dengan bahasa yang gramatis	
Mendengar dengan teliti apabila saya sedang bertutur		Menyatakan pendapat dengan sopan		Menggunakan sebutan baku	
Bersetuju untuk tidak bersetuju		Menyokong pandangan saya dengan tambahan yang sesuai		Menggunakan kata panggilan yang sesuai	



# Saranan 4

## *Kemahiran Bertutur & Interaksi Lisan Kemahiran Menulis*

### **Hasil Pembelajaran Umum:**

- Bertutur dengan fasih sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (2.0)
- Menulis pelbagai teks dengan jelas dan berkesan sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (4.0)
- Berinteraksi secara lisan dengan jelas, lancar dan berkesan sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (5.0)



### **Hasil Pembelajaran Khusus:**

- Bertutur dengan yakin, berkesan dan jelas (2.1)
- Bertutur untuk menyampaikan sesuatu perkara (2.2)
- Bertutur untuk menerangkan idea/pendapat/pandangan tentang cara mengekspresikan diri (2.3)
- Menulis kata-kata semangat untuk menyampaikan pesanan motivasi dengan kosa kata yang sesuai (4.1).
- Berbincang untuk mengemukakan idea/ pendapat/pandangan tentang sesuatu perkara (5.2)

# Langkah-langkah



No.	Langkah-langkah				
1	<p>Pelajar menonton episod Mencorak Watan. Kemudian, guru mengajukan soalan-soalan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Apakah peranan Cikgu Suratman sebagai penulis?</li> <li>• Bagaimanakah beliau mengekspresikan pemikiran dan pendapat beliau dalam penulisan? Jelaskan.</li> <li>• Gunakan panduan P.B.S.R yang terdapat dalam halaman 4 (Buku Teks JATi Men 3G2).</li> </ul>				
2	<p>Saranan: Guru boleh juga menggunakan strategi Talk Moves semasa pelajar berinteraksi antara satu sama lain. Contoh:</p> <table border="1" data-bbox="271 1066 1278 1570"> <thead> <tr> <th data-bbox="271 1066 767 1207">Pelajar A</th> <th data-bbox="767 1066 1278 1207">Pelajar B</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="271 1207 767 1570">Cikgu Suratman Markasan menyampaikan pemikirannya melalui penulisannya.</td> <td data-bbox="767 1207 1278 1570">Saya setuju,.. sebagai penambahan... saya ingat Cikgu Suratman ada menyatakan bahawa... (setuju dan membuat penambahan).</td> </tr> </tbody> </table>	Pelajar A	Pelajar B	Cikgu Suratman Markasan menyampaikan pemikirannya melalui penulisannya.	Saya setuju,.. sebagai penambahan... saya ingat Cikgu Suratman ada menyatakan bahawa... (setuju dan membuat penambahan).
Pelajar A	Pelajar B				
Cikgu Suratman Markasan menyampaikan pemikirannya melalui penulisannya.	Saya setuju,.. sebagai penambahan... saya ingat Cikgu Suratman ada menyatakan bahawa... (setuju dan membuat penambahan).				
	<p>Sebagai aktiviti susulan, guru boleh mendapatkan pelajar menghasilkan kata-kata semangat berbentuk Empat Kata Semangat (rujuk Buku Teks halaman 24-25) berdasarkan kata-kata Cikgu Suratman,</p>				



**Nota:** Pelajaran ini menggunakan bahan Menengah 3 Jati unit 2 G2 ms 30-31



# Penilaian (Penilaian Rakan Sebaya)

No.	Langkah-langkah
1	Pelajar mengisi senarai semak berdasarkan interaksi dengan pasangan (rujuk lampiran O).

## Lampiran O- Senarai Semak Interaksi Lisan

Pencapaian Rakan Saya (Rakan saya telah...)					
Sikap	✓	Kemahiran Sosial	✓	Bahasa	✓
Menyumbang idea yang sesuai		Bertutur mengikut giliran		Memberikan pandangan dengan jelas	
Menghormati pendapat saya		Memberikan pendapat pada masa yang sesuai		Menjawab soalan dengan bahasa yang gramatis	
Mendengar dengan teliti apabila saya sedang bertutur		Menyatakan pendapat dengan sopan		Menggunakan sebutan baku	
Bersetuju untuk tidak bersetuju		Menyokong pandangan saya dengan tambahan yang sesuai		Menggunakan kata panggilan yang sesuai	



# Episod 3

## *Mengunjungi Tuanq*



# Episod 3

53

## Mengukir Juang



### Episod Mengukir Juang



### SINOPSIS

Episod 'Mengukir Juang' membawa kita meneroka zaman perjuangan Cikgu Suratman. Bagaimana beliau melalui zaman pramerdeka. Perjuangan sebagai seorang guru yang tidak jemu-jemu menuntut ilmu sehingga ke puncak menara gading. Perjuangan beliau sebagai seorang pencinta bahasa Melayu yang gigih mencorak dan mengukir perkembangan bahasa dan sastera Melayu. Turut dipaparkan juga bagaimana Cikgu Suratman mengumpul semangat dan terus berjuang dalam meneruskan kehidupan setelah ditimpa satu tragedi yang telah merubah kehidupan beliau. Tidak hairanlah jika perjuangan beliau sebagai seorang guru, pensyarah dan pengendali latihan perguruan diiktiraf sebuah universiti setempat.





# Saranan 1



## **Kemahiran:**

Mendengar dan Melihat,  
Menulis/Bertutur

## **Hasil Pembelajaran Umum:**

- Mendengar pelbagai teks lisan (sama ada dengan penyertaan, keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk memberikan respons berdasarkan konteks, tujuan dan khalayak (1.0)
- Bertutur dengan fasih sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (2.0)



# Saranan 1



## Hasil Pembelajaran Khusus:

- Mendengar teks lisan (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk menghayati isi
- Menghubungkan maklumat dengan pengalaman peribadi dengan (1.2)
- menghubungkan maklumat dengan kehidupan sebenar
- memberikan pendapat/pandangan tentang idea/ peristiwa
- Bertutur untuk menyampaikan sesuatu perkara (produk) (2.2)
- menyampaikan semula sesuatu isi
- memberikan deskripsi tentang sesuatu
- menceritakan sesuatu cerita/pengalaman



# Langkah-langkah

No.	Langkah-langkah
1	Pelajar menonton episod Mengukir Juang dan meneliti Peranan Guru dalam bentuk 4M (Mengajar, Menasihati, Mendidik dan Mengambil tahu)
2	Pelajar melengkapkan penyusunan grafik (rujuk Lampiran P) berkenaan 4M berdasarkan pengalaman mereka dengan seorang guru yang telah memainkan peranan yang besar dalam kehidupan mereka.
3	Pelajar mengumpulkan informasi dan menyusun maklumat yang diraih dan ubah kepada bentuk hantaran media sosial/ kad ucapan terima kasih atau video Tiktok/vlog untuk mengucapkan terima kasih kepada guru mereka (Guru boleh menerapkan strategi Pengajaran Pembezaan: Produk pembelajaran)

## Lampiran P- Guru Saya



# Guru Saya

Nama guru saya:

---

Saya memilih guru ini kerana...

---

Beliau pernah **MENGAJAR** saya...

---




# Guru Saya



Nama guru saya:

Saya memilih guru ini kerana...



Beliau pernah **MENGAJAR** saya...

Beliau pernah **MENASIHATI** saya...

Beliau pernah **MENDIDIK** saya...

Beliau pernah **MENGAMBIL TAHU** tentang diri saya...

# Penilaian (Penilaian Rakan Sebaya)


No.	Langkah-langkah
1	<p>Pelajar diminta menilai hasil kerja rakan dengan memberikan komen berdasarkan panduan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 3 perkara menarik berkenaan hantaran rakan saya</li> <li>• 2 perkara yang boleh diperbaik</li> <li>• 1 perkara yang boleh ditambah</li> </ul>

## Lampiran E- 3-2-1

Nama:

Kelas:


### Renungan 3-2-1

3 perkara menarik berkenaan hantaran   
rakan saya

1. \_\_\_\_\_

2. \_\_\_\_\_

3. \_\_\_\_\_

2 perkara yang boleh diperbaik 

1. \_\_\_\_\_

2. \_\_\_\_\_


1 perkara yang boleh ditambah 

1. \_\_\_\_\_

# Saranan 2



## KEMAHIRAN BERTUTUR & MENULIS



### Hasil Pembelajaran Umum:


- Bertutur dengan fasih sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (2.0)
- Menulis pelbagai teks dengan jelas dan berkesan sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (4.0)

### Hasil Pembelajaran Khusus

- Bertutur untuk menerangkan idea/pendapat/ pandangan (2.3)
- Bertutur untuk menerangkan pandangan tentang cinta berdasarkan tontonan video
- Menghasilkan pelbagai penulisan berbentuk informatif (4.3)
- Menulis ulasan yang berkaitan dengan tema cinta

# Langkah-langkah


No.	Langkah-langkah
1	Pelajar menonton episod Mengukir Juang.
2	Guru mengajukan soalan-soalan berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Apakah yang berlaku kepada isteri Cikgu Suratman yang tercinta?</li> <li>• Bagaimanakah perasaan beliau dan anak beliau Dr Suriani pada ketika itu?</li> </ul>
3	Pelajar berinteraksi dengan rakan-rakan berdasarkan soalan-soalan berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Apakah yang telah Cikgu Suratman dan Dr Suriani lakukan untuk mengatasi kesedihan yang mereka alami?</li> <li>• Apakah yang dapat kamu simpulkan tentang cinta berdasarkan pengalaman Cikgu Suratman dan Dr Suriani?</li> </ul>
4	Guru boleh mendapatkan pelajar memberikan jawapan secara verbal ataupun dalam ruangan ICT seperti <i>Padlet</i> , <i>Icollaborate Board</i> di SLS dan sebagainya.





# Langkah-langkah (Aktiviti Penulisan)

No.	Langkah-langkah
1	Berdasarkan panduan dalam buku teks Jati 2G2 2B halaman 22, tulis sebuah ulasan berdasarkan cerita cinta dalam episod ini.
2	Langkah menulis ulasan (rujuk buku teks halaman 22): <ul style="list-style-type: none"><li>• Berikan gambaran ringkas tentang fokus cerita.</li><li>• Terangkan pandangan kamu tentang cerita tersebut.</li><li>• Nyatakan nilai.</li><li>• Jelaskan pengajaran yang diraih daripada cerita ini.</li></ul>
3	Guru mendapatkan pelajar mengirimkan ulasan dalam ruangan media sosial yang sesuai.



# Saranan 3

KEMAHIRAN BERTUTUR & MENULIS  
KEMAHIRAN MEMBACA DAN MELIHAT



## TEMA: TOKOH PILIHAN (CIKGU SURATMAN MARKASAN)

### Hasil Pembelajaran Umum:

- Bertutur dengan fasih sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (2.0)
- Menulis pelbagai teks dengan jelas dan berkesan sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (4.0)
- Membaca pelbagai teks (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk memberikan respons yang sesuai berdasarkan tujuan, situasi dan khalayak (3.0)

### Hasil Pembelajaran Khusus

- Bertutur untuk menyampaikan sesuatu perkara (2.2)
- Bertutur dengan memberikan deskripsi berkenaan tokoh pilihan melalui infografik
- Menghasilkan pelbagai penulisan berbentuk informatif (4.3)
- Menghasilkan infografik tentang seorang tokoh yang dipilih
- Membaca teks (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk menilai isi (3.4)

# Langkah-langkah

**Nota:** Pelajaran ini menggunakan bahan Jati Men 3G2 Unit 3 (Yang Baik Dijadikan Teladan- Bhgn 2)

No.	Langkah-langkah
1	Pelajar menonton video treler/ sedutan pendek dokumentari Bicara Budiman: Suratman Markasan.
2	<p>Pelajar mengisi maklumat berdasarkan rutin pemikiran: Fikir, Tanya, Teroka dalam Buku Aktiviti Jati Menengah 3G2 halaman 38 berkenaan soalan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Fikir: Apakah yang kamu tahu tentang tokoh tersebut?</li> <li>• Tanya: Apakah yang ingin kamu tahu tentang tokoh tersebut?</li> <li>• Teroka: Apakah cara kamu boleh lakukan untuk mendapatkan maklumat tentang tokoh tersebut?               <ul style="list-style-type: none"> <li>◦ Di manakah kamu boleh mendapatkan maklumat tentang tokoh tersebut?</li> <li>◦ Kepada siapakah kamu boleh bertanya untuk mendapatkan maklumat lanjut?</li> </ul> </li> </ul>
3	Kemudian, pelajar menonton episod Mengukir Juang dan juga lelaman lainnya untuk mengumpulkan maklumat. Pelajar memilih informasi yang sesuai diselitkan dalam infografik.
4	Merujuk Panduan Menghasilkan Infografik pada halaman 57 buku teks Jati Menengah 3G2, pelajar melengkapkan maklumat dan menghasilkan infografik yang sesuai.
5	Pelajar membuat penyampaian berkenaan tokoh yang diserlahkan dalam infografik yang dihasilkan.



# Penilaian (Penilaian Rakan Sebaya)

No.	Langkah-langkah
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pasangan menilai perkongsian rakan menggunakan senarai semak penyampaian (Rujuk Lampiran Q).</li> </ul>

## Lampiran Q- Senarai Semak Penyampaian

### Senarai Semak Penyampaian

Nama rakan saya: \_\_\_\_\_

#### Hasil pembelajaran Umum:

- Bertutur dengan fasih sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (2.0)
  - Bertutur dengan yakin, berkesan dan jelas (2.1)
  - Bertutur untuk menyampaikan sesuatu perkara (2.2)
  - Bertutur untuk menerangkan idea/pendapat/ pandangan (2.3)

**Arahan:** Tandakan ✓ pada butiran yang relevan berkenaan penyampaian rakan/ pelajar.

Pencapaian Rakan Saya/ Pelajar (Rakan saya (Pelajar) telah/dapat...)			
Pendahuluan	✓	Penggunaan Alat Media	✓
Menyatakan tujuan/objektif penyampaian		Penggunaan alat media membantu pendengar memahami penyampaian dengan lebih jelas	
Menyenaraikan isi yang akan disampaikan		Menggunakan huruf yang jelas dan mudah dibaca	
Menimbulkan minat pendengar untuk mendengar penyampaian		Menarik perhatian pendengar kepada bahagian penting dalam visual	
Penyampaian	✓	Bahasa	✓
Menerangkan isi penyampaian dengan memberikan contoh yang sesuai		Menggunakan kosa kata dan ayat yang sesuai untuk menjelaskan penyampaian	
Menggunakan isyarat yang jelas bagi membantu pendengar mengalihkan perhatian dari satu isi ke satu isi penyampaian		Menggunakan bahasa yang gramatis	
Meringkaskan bahagian-bahagian penting dalam penyampaian sebelum mengemukakan isi baharu		Penutup	✓
Menggunakan bahasa yang mudah difahami		Meringkaskan isi-isi penting	
Berupaya menjawab soalan yang dikemukakan oleh pendengar.		Merumuskan penyampaian dengan jelas dan berkesan	

(Senarai semak telah disesuaikan daripada Panduan Guru Jati Menengah 3G2, Guru boleh mengubahsuai menurut profil pelajar)



# Sarahan 4



## KEMAHIRAN MENDENGAR & MELIHAT, KEMAHIRAN BERTUTUR, KEMAHIRAN MEMBACA & MELIHAT

**Nota:** Pelajaran ini menggunakan bahan Menengah 1G3 1B Unit 7 (Tika Tercabar, Cari Ikhtiar) & Menengah 1G1 Unit 7 (Aku Boleh!)

### Hasil Pembelajaran Umum:

- Mendengar pelbagai teks lisan (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk memberikan respons berdasarkan konteks, tujuan dan khalayak (1.0)
- Bertutur dengan fasih sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (2.0)
- Membaca pelbagai teks (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk memberikan respons yang sesuai berdasarkan tujuan, situasi dan khalayak (3.0)


### Hasil Pembelajaran Khusus:

- Mendengar teks lisan (sama ada dengan penyertaan melihat atau sebaliknya) lisan untuk menghayati isi (1.2)
- Bertutur untuk menyampaikan sesuatu perkara (2.2)
- Membaca teks (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk memahami isi dan menghayati isi (3.2 & 3.3)



# Langkah-langkah (Peringkat G1)


No.	Langkah-langkah
1	Pelajar menonton episod Mengukir Juang.
2	Pelajar berusaha mengenal pasti masalah dan tindakan yang diambil oleh Cikgu Suratman (rujuk <u>Lampiran R</u> )
3	Kemudian, pelajar diajak berkongsi dengan pasangan berkenaan dapatan mereka.
4	Pelajar boleh mengusahakan penulisan kata-kata semangat/positif yang boleh ditulis kepada Cikgu Suratman Markasan sekiranya mereka mengenali beliau (halaman 35).



**Nota:** Pelajaran ini menggunakan bahan Jati Menengah 1G1 Unit 7 (Aku Boleh!)

# Langkah-langkah (Peringkat G2/G3)

No.	Langkah-langkah
1	Pelajar menonton episod Mengukir Juang.
2	Berdasarkan proses Rancangan Tindakan – Masalah-Cara-Tindakan (MCT) (halaman 44) yang telah dipelajari, pelajar cuba mengaplikasikannya kepada masalah yang telah dihadapi Cikgu Suratman Markasan dalam episod tersebut (rujuk <u>Lampiran R</u> )
3	Kemudian, pelajar diajak berkongsi dengan pasangan berkenaan dapatan mereka.
4	<b>Penilaian</b> Pasangan menilai perkongsian rakan menggunakan senarai semak penyampaian (Rujuk <u>Lampiran Q</u> ).



**Nota:** Pelajaran ini menggunakan bahan Jati Menengah 1G3 1B Unit 7 (Tika Tercabar, Cari Ikhtiar)

# Lampiran R- Lembaran Penyusun Grafik

## LEMBARAN PENYUSUN GRAFIK



### Meneliti Masalah

- Apakah masalah yang telah dihadapi cikgu Suratman (dan keluarganya)?
- Apakah kesannya terhadap mereka?



### Cara-cara ia diselesaikan

- Bagaimanakah masalah tersebut diselesaikan?



### Tindakan

- Apakah tindakan yang diambil?
- Apakah pengajaran yang kamu raih daripada pengalaman Cikgu Suratman sekeluarga?



# Episod 4



*Menyulam Aksara*



# Episod 4

70


## Menyulam Aksara

### Episod Menyulam Aksara



### SINOPSIS

Episod 'Menyulam Aksara' mengisahkan bagaimana Cikgu Suratman sebagai seorang penulis yang berterusan menyulam aksara dalam menghasilkan karya sastera serta kepimpinan beliau sebagai Ketua Satu dalam menerajui pertubuhan ASAS'50. Bagaimana melalui kepimpinan beliau, kegiatan dan peranan ASAS'50 dapat dirancakkan. Turut dipaparkan bagaimana permasalahan masyarakat yang dirakamkan dalam karya-karya beliau. Turut dimuatkan kupasan ringkas dua novel beliau 'Subuh Hilang Senja' dan 'Penghulu Yang Hilang Segalanya' yang merupakan satu dokumentasi sejarah sosial masyarakat Melayu Singapura pada satu ketika.



# Saranan 1

## Kemahiran Mendengar & Melihat Kemahiran Membaca & Melihat Kemahiran Menulis



### Hasil Pembelajaran Umum:

- Mendengar pelbagai teks lisan (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk memberikan respons berdasarkan konteks, tujuan dan khalayak (1.0)
- Membaca pelbagai teks (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk memberikan respons yang sesuai berdasarkan tujuan, situasi dan khalayak (3.0)
- Menulis pelbagai teks dengan jelas dan berkesan sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (4.0)

### Hasil Pembelajaran Khusus:

- Mendengar teks lisan (sama ada dengan penyertaan melihat atau sebaliknya) untuk menilai isi (1.3)
- Membaca teks (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk menilai isi (3.4)
- Menghasilkan pelbagai penulisan berbentuk informatif (4.3)

# Langkah-langkah

## (Tema: Sifat-sifat Kempimpinan)

No.	Langkah-langkah
1	Pelajar menonton episod Menyulam Aksara.
2	Pelajar menyenaraikan sifat-sifat kepemimpinan yang mereka fikir terdapat pada Cikgu Suratman lalu menjelaskannya. ( <u>Lampiran S</u> ).
3	Pelajar mengubah dapatan pada bentuk media video/poster/infografik.
4	Pelajar menyampaikan infografik dalam bentuk penulisan ekspositori berdasarkan soalan berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ciri-ciri Kepemimpinan yang Penting.</li> </ul>



# Lampiran S- Lembaran Penyusun Grafik

## LEMBARAN PENYUSUN GRAFIK



Sifat/Sikap

- Senaraikan **sifat/ sikap** yang ada pada Cikgu Suratman yang kamu rasakan telah **menyumbang kepada kejayaan** beliau.



Cara ia menyumbang kepada kejayaannya?

- **Bagaimanakah** sifat-sifat/ sikap-sikap yang disenaraikan telah **menyumbang kepada kejayaannya?**



Sifat/Sikap yang akan kamu contohi

- Pilih satu sifat/sikap yang **ingin kamu contohi. Mengapa?**






# Saranan 2

## Kemahiran Membaca & Melihat Kemahiran Menulis

**Tema: Pentingnya membaca & pembelajaran sepanjang hayat.**



### Hasil Pembelajaran Umum:


- Membaca pelbagai teks (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk memberikan respons yang sesuai berdasarkan tujuan, situasi dan khalayak (3.0)
- Berinteraksi secara lisan dengan jelas, lancar dan berkesan sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (5.0)

### Hasil Pembelajaran Khusus:

- Berbincang untuk mengemukakan idea/ pendapat/pandangan tentang sesuatu perkara (5.2)
- Berbincang untuk mengemukakan pendapat tentang pandangan individu mengenai sesuatu perkara
- Membaca teks (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk menilai isi (3.4)
- Membaca paparan kisah individu untuk menilai pendapat mereka tentang belajar sepanjang hayat

# Langkah-langkah

No.	Langkah-langkah
1	Pelajar menonton episod Menyulam Aksara. Cikgu Suratman menyatakan kepentingan membaca dan mempertingkatkan ilmu pengetahuan.
2	Berdasarkan pendapat yang dikongsi Cikgu Suratman Markasan, guru boleh menjalankan Aktiviti Bulatan Dalaman-Luaran untuk mendapatkan pelajar mengemukakan pandangan mereka.
3	Guru boleh menggunakan panduan Mengemukakan Pendapat atau Pandangan yang disarankan dalam buku teks Jati Menengah 2B Bahasa Melayu Lanjutan halaman 48, untuk membimbing pelajar.
4	Guru juga boleh membimbing pelajar membuat rumusan berdasarkan Strategi Membuat Rumusan yang disarankan dalam buku teks Jati Menengah 2B Bahasa Melayu Lanjutan halaman 47.



**Nota:** Pelajaran ini menggunakan bahan Jati Menengah 2G3 2B Bahasa Melayu Lanjutan Unit 7 (Ilmu Pelita Hati)

# Sarahan 3


## KEMAHIRAN MEMBACA & MELIHAT KEMAHIRAN MENULIS

### Hasil Pembelajaran Umum:

- Membaca pelbagai teks (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk memberikan respons yang sesuai berdasarkan tujuan, situasi dan khalayak (3.0)
- Menulis pelbagai teks dengan jelas dan berkesan sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (4.0)

### Hasil Pembelajaran Khusus:

- Menghasilkan pelbagai penulisan berbentuk informatif (4.3)
- Menghasilkan kad penghargaan kepada seseorang
- Membaca teks (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk menghayati isi (3.3)



# Langkah-langkah

No.	Langkah-langkah
1	Pelajar menonton episod Menyulam Aksara dari masa 05:10.
2	<p>Guru mendapatkan pelajar agar mencuba kaitkan dengan kehidupan mereka dengan mengajukan soalan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>◦ Siapakah insan dalam kehidupan kamu yang menunjukkan perkara-perkara yang diserlahkan tadi?</li> </ul>
3	Setelah pelajar mengenal pasti seseorang yang ingin disampaikan pengharganya, pelajar boleh dibimbing untuk menghasilkan kad penghargaan kepadanya. Guru boleh menggunakan tip-tip dan nota yang diserlahkan dalam buku teks Jati Menengah 2B G1 Halaman 24-25 untuk membimbing pelajar.
4	<p>Guru merumuskan tiga perkara yang dipelajari dalam Unit 6 iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jika kita mencintai seseorang atau sesuatu, kita harus menunjukkan sikap tanggungjawab terhadapnya.</li> <li>• Pengetahuan tentang pelbagai jenis cinta menimbulkan rasa tanggungjawab.</li> <li>• Ada pelbagai cara untuk menunjukkan perasaan dan penghargaan kepada orang lain.</li> </ul>



**Nota:** Pelajaran ini menggunakan bahan Jati Menengah 2G1 2B Unit 6 (Cinta. Oh, cinta!)





# KUIZ

## Sarahan 4

LATIHAN  
PENGETAHUAN  
BAHASA


1. Pelajar diajak menonton episod Menyulam Aksara.
2. Pelajar mengenal pasti kosa kata baharu yang dipelajari.
3. Kemudian, pelajar melengkapkan lembaran silang kata. (Rujuk Lampiran T).
4. Pelajar melengkapkan kuiz kahoot berkenaan kosa kata baharu yang dipelajari. (Imbas Kod QR untuk dapatkan kuiz Kahoot)



Perkataan	Maksud
menyulam	menyelitkan sesuatu dengan yang lain, biasanya untuk mengindahkannya
aksara	huruf
tujuan hidup	matlamat/hala tuju dalam keadaan perjalanan harian seseorang
keseريان	kesunyian
akrab	rapat
suruh-menyuruh	saling mengarah
kritis	tidak mudah menerima sesuatu dengan begitu sahaja atau bulat-bulat, sebaliknya mempertimbangkan buruk baiknya terlebih dahulu
perkampungan	kumpulan atau kelompok sesuatu
sastera	bahasa yang digunakan dalam tulisan
nusantara	kepulauan Melayu
memupuk	menyemai/ menanam
keadilan	kesaksamaan
khalayak	golongan orang yang menjadi pembaca
motif	sebab (tujuan) yang mendorongkan seseorang melakukan sesuatu atau bertindak
mantap	menjadikan pendirian tetap

# Lampiran T- Lampiran Silang Kata

## Menyulam Aksara Lampiran Silang Kata




### Melintang

1. menjadikan pendirian tetap
3. rapat
5. kesaksamaan
8. sebab (tujuan) yang mendorongkan seseorang melakukan sesuatu atau bertindak
10. saling mengarah
11. kepulauan Melayu
13. bahasa yang digunakan dalam tulisan
14. menyemai/ menanam

### Menegak

2. kumpulan atau kelompok sesuatu
4. tidak mudah menerima sesuatu dengan begitu sahaja atau bulat-bulat, sebaliknya mempertimbangkan buruk baiknya terlebih dahulu
6. huruf
7. kesunyian
9. golongan orang yang menjadi pembaca
12. matlamat/hala tuju dalam keadaan perjalanan seharian seseorang
14. menyelitkan sesuatu dengan yang lain, biasanya untuk mengindahkannya

# Bicara Budiman Suratman Markasan: Menyulam Aksara Lampiran Silang Kata



### Melintang


- 1. menjadikan pendirian tetap
- 3. rapat
- 5. kesaksamaan
- 8. sebab (tujuan) yang mendorongkan seseorang melakukan sesuatu atau bertindak
- 10. saling mengarah
- 11. kepulauan Melayu
- 13. bahasa yang digunakan dalam tulisan
- 14. menyemai/ menanam

### Menegak

- 2. kumpulan atau kelompok sesuatu
- 4. tidak mudah menerima sesuatu dengan begitu sahaja atau bulat-bulat, sebaliknya mempertimbangkan buruk baiknya terlebih dahulu
- 6. huruf
- 7. kesunyian
- 9. golongan orang yang menjadi pembaca
- 12. matlamat/hala tuju dalam keadaan perjalanan seharian seseorang
- 14. menyelitkan sesuatu dengan yang lain, biasanya untuk mengindahkannya



# Bicara Budiman Suratman Markasan: Menyulam Aksara Lampiran Silang Kata- Jawaban



### Melintang

1. menjadikan pendirian tetap
3. rapat
5. kesaksamaan
8. sebab (tujuan) yang mendorongkan seseorang melakukan sesuatu atau bertindak
10. saling mengarah
11. kepulauan Melayu
13. bahasa yang digunakan dalam tulisan
14. menyemai/ menanam

### Menegak

2. kumpulan atau kelompok sesuatu
4. tidak mudah menerima sesuatu dengan begitu sahaja atau bulat-bulat, sebaliknya mempertimbangkan buruk baiknya terlebih dahulu
6. huruf
7. kesunyian
9. golongan orang yang menjadi pembaca
12. matlamat/hala tuju dalam keadaan perjalanan seharian seseorang
14. menyelitkan sesuatu dengan yang lain, biasanya untuk mengindahkannya

# Episod 5

*Menjulang Anugerah*

# Episod 5

## Menjulangi Anugerah

### Episod Menjulangi Anugerah



#### SINOPSIS

Episod 'Menjulangi Anugerah' merakamkan kebitaraan Cikgu Suratman Markasan dalam dunia penulisan yang beliau ceburi sejak bertekad lamanya. Anugerah demi anugerah diraih sebagai pengiktirafan ketokohan beliau dalam bidang budaya dan sastera Singapura. Tidak hairanlah beliau merupakan seorang tokoh yang disegani di Kawasan Asia Tenggara. Namun, dalam dihujani anugerah demi anugerah, terdapat satu kebimbangan yang senantiasa yang dijadikan sebagai peringatan dirinya. Beliau juga digelar sebagai pejuang bahasa, bangsa, budaya dan agama. Turut dipaparkan, proses kreatif beliau yang beliau amalkan sebagai satu motivasi yang dikagumi penulis dan ahli akademik setempat. Cikgu Suratman sempat merakamkan pesanan dan wasiatnya sebagai penutup episod Bicara Budiman kali ini.

# Sarahan 1

## Kemahiran Mendengar & Melihat Kemahiran Menulis



### Hasil Pembelajaran Umum:

- Membaca pelbagai teks (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk memberikan respons yang sesuai berdasarkan tujuan, situasi dan khalayak (3.0)
- Menulis pelbagai teks dengan jelas dan berkesan sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (4.0)

### Hasil Pembelajaran Khusus:

- Menghasilkan pelbagai penulisan berbentuk informatif (4.3)
- Membaca teks (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk menghayati isi (3.3)



# Langkah-langkah

No.	Langkah-langkah
1	Pelajar menonton episod Menjulung Anugerah.
2	Berdasarkan apa yang ditonton, pelajar cuba memadankan gambar anugerah yang terpapar dengan nama anugerah yang betul. (Rujuk <u>Lampiran U</u> ).
3	Guru mengajak pelajar membuat kajian terhadap tujuan setiap anugerah yang dipadankan.
4	Guru mendapatkan pelajar menukar bentuk informasi yang diraih dalam bentuk infografik/vlog.
5	Pelajar berkongsi dengan rakan sekelas berkenaan dapatan mereka dan bagaimana Cikgu Suratman memberi inspirasi kepada mereka untuk terus mempertingkatkan diri dan memberi sumbangan kepada masyarakat

**Nota:** Tema Jati yang relevan  
1B G2 dan G3



## Raikan Kejayaan Cikgu Suratman

Arahan: Padankan anugerah yang dipaparkan dengan nama rasminya.



● Hadiah Sastera  
Singapura



● Anugerah Tun Sri  
Lanang



● Anugerah Tokoh  
Pujangga



● Anugerah Sarjana  
Unggul Nanyang



● Anugerah Pingat  
Budaya

# Saranan 2

## *Kemahiran Mendengar dan Melihat Kemahiran Interaksi Lisan Kemahiran Menulis*

Mengenal pasti faktor kejayaan Cikgu Suratman: Selain kemahiran-kemahiran, terdapat juga sikap tertentu yang diperlukan seseorang dalam mencapai kejayaan.



### **Nota:**

Tema Relevan dalam Jati:

- 2B Menengah 2G1: Unit 7:  
Usaha Pasti Jaya
- 2B Menengah 2G1: Unit 8:  
Bukan Sekadar Angan-angan

### **Hasil Pembelajaran Umum:**

- Menulis pelbagai teks dengan jelas dan berkesan sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (menggunakan kosa kata yang sesuai, bahasa yang gramatis dan gaya bahasa yang betul) (4.0).

### **Hasil Pembelajaran Khusus:**

- Menghasilkan pelbagai penulisan berbentuk informatif (termasuk pujukan) (4.3).



# Langkah-langkah

No.	Langkah-langkah
1	Pelajar menonton episod Menjulung Anugerah.
2	Pelajar menyenaraikan sikap-sikap Cikgu Suratman yang menyumbang kepada kejayaan Cikgu Suratman. ( <u>Lampiran S</u> ).
3	Pelajar menjelaskan bagaimana sikap-sikap tersebut menyumbang kepada kejayaan Cikgu Suratman kepada pasangan.
4	<p><b>Penulisan (G2/G3)</b></p> <p>Pelajar menyesuaikan sikap yang disenaraikan bagi menjawab soalan karangan ekspositori berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sikap yang diperlukan untuk berjaya. / Ciri-ciri seorang yang berjaya. (Pelajar G2/G3).</li> </ul>
5	<p><b>Penulisan (G1)</b></p> <p>Pelajar menulis kad motivasi untuk memotivasi diri mereka cuba mengikuti jejak langkah Cikgu Suratman dalam mencapai kejayaan. (Pelajar G1), merujuk pada buku aktiviti halaman 31.</p>



**Nota:** Tema Jati yang relevan

- 2B Menengah 2G1: Unit 7:  
Usaha Pasti Jaya
- 2B Menengah 2G1: Unit 8:  
Bukan Sekadar Angan-angan



# Sarahan 3

## KEMAHIRAN MENULIS

**Aktiviti: Induksi**

**Tema: Identiti Melayu**

**Hasil pembelajaran Umum:**

- Mendengar pelbagai teks lisan (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk memberikan respons berdasarkan konteks, tujuan dan khalayak (1.0).
- Menulis pelbagai teks dengan jelas dan berkesan sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (menggunakan kosa kata yang sesuai, bahasa yang gramatis dan gaya bahasa yang betul) (4.0).

**Hasil Pembelajaran Khusus:**

- menghubungkan maklumat dengan pengalaman peribadi (1.2)
- menghubungkan maklumat dengan kehidupan sebenar (1.2)
- Mengembangkan idea yang dijana dengan perincian yang sesuai dan mencukupi menggunakan kosa kata yang sesuai. (4.1)



# Langkah-langkah

No.	Langkah-langkah
1	Guru berbincang dan meminta pelajar memikirkan cara-cara melestarikan Bahasa Melayu.
2	Pelajar menonton episod Menjulung Anugerah.
3	Pelajar menyenaraikan cara-cara yang disarankan Cikgu Suratman agar kita dapat melestarikan Bahasa Melayu.
4	Pelajar didapati untuk mengubah penulisan dalam bentuk hantaran media sosial untuk mengajak rakan-rakan melestarikan Bahasa Melayu. (Rujuk <u>Lampiran D</u> )

**Nota:** Tema Jati yang relevan:

- Jati Menengah 4 G3 (Unit 3: Takkan Melayu Hilang di Dunia (Bahagian 2))



# Saranan 4



## KEMAHIRAN MEMBACA, BERFIKIR & BERTUTUR

### Hasil Pembelajaran Umum:

- Membaca pelbagai teks (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk memberikan respons yang sesuai berdasarkan tujuan, situasi dan khalayak (3)
- Berinteraksi secara lisan dengan jelas, lancar dan berkesan sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak. (5)

### Hasil Pembelajaran Khusus:

- Membaca teks (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk menilai isi (3.4)
- Berbincang untuk menyokong atau menolak pandangan orang lain bagi mencapai keputusan (5.3)

# Langkah-langkah

Rutin Berfikir :

Rutin Pemerhatian & Huraian

- Nota:** Tema Jati yang relevan:
- Jati Menengah 4 G3 (Unit 3: Takkan Melayu Hilang di Dunia (Bahagian 2))

No.	Langkah-langkah
1	<p>Pelajar menonton episod Menyulam Aksara. Kemudian, pelajar diminta untuk menjawab soalan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Nyatakan ciri identiti yang disebut oleh Cikgu Suratman. (Bahasa)</li> </ul>
2	<p>Dengan menggunakan rutin berfikir : Rutin Pemerhatian dan Huraian (Buku Teks Jati Menengah 4 G3 Halaman 46), guru mendapatkan pelajar agar memikirkan tentang pencapaian Cikgu Suratman.</p>
3	<p>Kemudian, guru mendapatkan pelajar untuk membuat penyampaian</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Namakan: namakan satu ciri yang dikongsi Cikgu Suratman berkenaan identiti orang Melayu.</li> <li>Terangkan: Bagaimanakah ciri ini membentuk cara kehidupan masyarakat Melayu?</li> <li>Huraikan: Mengapakah pengalaman ini dikongsikan?</li> <li>Alternatif: Apakah ciri-ciri lain yang boleh disentuh untuk menarik minat orang lain terhadap perkara yang dikongsi?</li> <li>Guru juga boleh mendapatkan pelajar agar mengiriskan rakaman penyampaian dalam ruangan SLS.</li> </ul>
4	<p>Pelajar kemudian diminta berbincang tentang (rakaman) perkongsian rakan untuk memberikan maklum balas dengan penjelasan yang sesuai menggunakan Maklum Balas Tag dalam Buku Aktiviti halaman 31.</p>



# Saranan Pengajaran


## *Deklamasi Sajak*





# Saranan Pengajaran

Sepanjang penerbitan video dokumentari *Bicara Budiman Suratman* Markasan ini, lima video deklamasi sajak yang disampaikan oleh Cikgu Suratman sempat dirakam. Rakaman deklamasi sajak ini boleh guru gunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran terutama sekali dari aspek pembelajaran tentang pengupasan atau analisis sajak yang dapat mempertajam pemikiran pelajar.



Dalam bahan ini, teks bagi setiap sajak-sajak tersebut dan juga pautan kepada deklamasi puisi atau sajak yang disampaikan oleh Cikgu Suratman Markasan disediakan untuk kegunaan guru.

Berikut adalah sajak-sajak yang dimaksudkan:

- Jalan Permulaan
- Hati Yang Kosong
- Potret isteri Yang Hilang
- Doa dan Wasiat
- Yang Bernama Guru

Guru boleh memikirkan pelbagai aktiviti pembelajaran dengan menggunakan sajak dan rakaman deklamasi sajak yang disampaikan oleh Cikgu Suratman Markasan.

Contohnya guru boleh membina soalan-soalan untuk meminta pelajar berbincang dan menganalisis mesej sajak-sajak yang cuba diketengahkan oleh Cikgu Suratman Markasan dalam kelima-lima sajak tersebut.

Contoh soalan-soalan adalah seperti berikut.

Soalan1:

- Baca dan tonton deklamasi sajak ‘Hati Yang Kosong’. Rujuk sajak dan deklamasi sajak ‘Hati Yang Kosong’. Kupas mesej dan tema yang terkandung dalam sajak ‘Hati Yang Kosong’. Sejauh manakah penulis berjaya menyampaikan mesej dan tema yang ingin disampaikan.



Soalan 1:

- Baca dan tonton deklamasi sajak ‘Jalan Permulaan’. Sajak ‘Jalan Permulaan’ merupakan sajak beliau yang pertama yang dihasilkan oleh Cikgu Suratman. Apakah mesej utama yang ingin disampaikan oleh Cikgu Suratman Markasan. Berjayakah beliau menyampaikan mesej tersebut?

Soalan 2:

- Baca dan tonton deklamasi sajak ‘Doa dan Wasiat’. Rujuk sajak dan deklamasi sajak ‘Doa dan Wasiat’. Kupas mesej dan persoalan yang terkandung dalam sajak ‘Doa dan Wasiat’. Sejauh manakah penulis berjaya menyampaikan mesej dan persoalan yang ingin disampaikan.

Soalan 3:

- Baca dan tonton deklamasi sajak ‘Potret Isteri Yang Hilang’. Rujuk sajak dan deklamasi sajak ‘Potret Isteri Yang Hilang’. Kupas mesej dan tema yang terkandung dalam sajak ‘Potret Isteri Yang Hilang’. Sejauh manakah penulis berjaya menyampaikan mesej dan tema yang ingin disampaikan.

Soalan 4:

- Baca dan tonton deklamasi sajak ‘Yang Bernama Guru’. Sajak ‘Yang Bernama Guru’ merupakan satu pandangan Cikgu Suratman mengenai tugas seorang guru. Sejauhmanakah mesej yang ingin disampaikan mencerminkan peranan guru pada masa kini? Jelaskan pandangan kamu.

Selain daripada aspek mesej yang terkandung dalam sajak-sajak Cikgu Suratman, guru boleh memikirkan dan membina soalan-soalan lain berkaitan aspek bahasa, tema dan sebagainya yang dapat menyokong pemikiran pelajar semasa melakukan analisis teks bagi kelima-lima sajak tersebut.

Di samping itu, guru juga boleh menyarankan aktiviti-aktiviti lanjutan yang menyeronokkan berkaitan sajak dan rakaman deklamasi sajak Cikgu Suratman Markasan. Antaranya adalah, guru boleh meminta pelajar:



- pelajar merakam dan mendeklamasikan sajak-sajak tersebut secara sendiri atau secara berkumpulan. Minta pelajar untuk memikirkan cara-cara kreatif untuk mendeklamasikan sajak-sajak tersebut.
- memproses sajak-sajak tersebut mengikut pemahaman mereka setelah mendengar dan menonton rakaman deklamasi sajak dan juga video dokumentari Bicara Budiman Suratman Markasan.
- mewawancara orang-orang yang mengenali Cikgu Suratman Markasan untuk mendapatkan pandangan dan perspektif yang pelbagai tentang Cikgu Suratman. Hal ini akan membantu pelajar untuk memahami tema dan mesej yang cuba disampaikan oleh Cikgu Suratman Markasan ketika mereka melakukan analisis tentang tema dan mesej sajak-sajak yang dikupas.

# Saranan Pengajaran #1

## Hati Yang Kosong

Kemahiran Membaca, Berfikir & Berbincang

### Saranan Pengajaran

#### Hasil Pembelajaran Umum:

- menonton deklamasi dan membaca sajak untuk memahami mesej yang terkandung dalam sajak 'Hati Yang Kosong', dan
- berbincang tentang mesej yang terkandung dalam sajak 'Hati Yang Kosong'.

#### Catatan:

- Klik pautan untuk menonton deklamasi sajak '[Hati Yang Kosong](#)' oleh Cikgu Suratman Markasan.
- Teliti sajak 'Hati Yang Kosong' di Lampiran 1.
- Guru boleh menggunakan templat dalam Lampiran 2.





# Saranan Pengajaran #1

## Hati Yang Kosong

### Aktiviti Pembelajaran

- Guru memberikan penerangan ringkas tentang Sajak 'Hati Yang Kosong'. Sajak Hati Yang Kosong merupakan sajak yang pertama yang dihasilkan oleh Cikgu Suratman.
- Pelajar menonton deklamasi sajak 'Hati Yang Kosong' oleh Cikgu Suratman Markasan.
- Pelajar meneliti baris-baris sajak 'Hati Yang Kosong' sebelum memberikan pandangan masing-masing tentang mesej sajak tersebut.
- Pelajar mencatat pandangan secara individu tentang mesej dalam sajak sebelum berbincang secara berkumpulan tentang mesej utama yang ingin disampaikan oleh Cikgu Suratman Markasan untuk mendengar pandangan dan perspektif yang pelbagai daripada rakan-rakan yang lain.
- Pelajar berbincang sama ada Cikgu Suratman berjaya menyampaikan mesej yang ingin disampaikan dengan memberikan sebab-sebabnya.
- Guru memudah cara perbincangan dan memberikan peluang untuk pelajar memberikan pandangan dan berbincang.
- Pelajar menonton sekali lagi deklamasi sajak 'Hati Yang Kosong'.
- Secara individu, pelajar melakukan refleksi tentang perkara yang mengesankan kepada mereka setelah mendengar deklamasi sajak yang disampaikan oleh Cikgu Suratman.

# Lampiran #1

## Hati Yang Kosong

Senyum melukis seribu makna  
Matamu menusuk tenang dan dalam hatiku  
Biar hati menyelam dalam sanubarimu

Hati kosong ini tidak mengenal diri  
Supaya kau mengenal jiwa bercinta  
Angin kupesankan untuk membisik

Kalau halang mendatang tiba  
Kerana dorongan suasana keliling  
Kerana keganasan membabi buta  
Tidak peduli hati bercinta

Kalau memang masa menetap demikian  
Biar engkau tinggal mulia dan kupuja  
Biar angin sahasa mengkhobar kosong  
Tinggal senyuman bergelora di hati kosong

Taman Pengetahuan  
April 1954




Klik pautan untuk menonton deklamasi sajak  
'Hati Yang Kosong' oleh Cikgu Suratman  
Markasan

# Lampiran #2

## Hati Yang Kosong

Arahan:

Sejauhmanakah Cikgu Suratman berjaya menyampaikan mesej yang ingin disampaikan dalam sajak 'Hati Yang Kosong'? Bincangkan sebab-sebabnya.



# Saranan Pengajaran #2

## Jalan Permulaan

### Kemahiran Mendengar, Membaca Berfikir

#### Saranan Pengajaran

##### Hasil Pembelajaran Umum:

- Mengukuhkan pemahaman tentang kata kerja yang bermula dengan imbuhan 'MeN-...';
- menonton deklamasi sajak 'Jalan Permulaan' untuk mengenal pasti kata kerja yang betul bagi melengkapkan sajak yang disediakan; dan
- Memberikan pandangan tentang mesej sajak 'Jalan Permulaan'.

##### Catatan:

- Klik pautan untuk menonton deklamasi sajak '[Jalan Permulaan](#)' oleh Cikgu Suratman Markasan
- Melengkapkan sajak 'Jalan Permulaan' menggunakan kata kerja di Lampiran 1
- Semak jawapan dalam Lampiran 2, Lampiran 3 & Lampiran 4





# Saranan Pengajaran #2

## Jalan Permulaan

### Aktiviti Pembelajaran

- Guru memberikan penerangan ringkas tentang Sajak 'Jalan Permulaan'. Sajak 'Jalan Permulaan' merupakan sajak yang ditujukan untuk anak-anak Cikgu Suratman.
- Pelajar menonton menonton deklamasi sajak 'Jalan Permulaan' oleh Cikgu Suratman Markasan.
- Sambil menonton dan mendengar deklamasi sajak 'Jalan Permulaan' yang disampaikan oleh Cikgu Suratman, pelajar melengkapkan sajak yang disediakan dalam Lampiran 1 menggunakan kata kerja yang bermula dengan imbuhan 'MeN-...'.  
• Pelajar menyemak perkataan atau kerja yang mereka dengar dan menyemak sama ada jawapan mereka betul atau tidak dengan merujuk Lampiran 2 (Sajak 'Jalan Permulaan').
- Pelajar mencatat kata kerja yang dikenal pasti dan mencari makna perkataan dalam kamus dalam talian.
- Pelajar mencatat pandangan secara individu tentang mesej dalam sajak dalam sajak 'Jalan Permulaan' di Padlet yang disediakan oleh guru sebelum berbincang secara berkumpulan tentang mesej utama yang ingin disampaikan oleh Cikgu Suratman Markasan.
- Pelajar membaca pandangan yang diberikan oleh rakan-rakan lain dalam Padlet untuk mendapatkan perspektif yang berbeza.
- Secara individu, pelajar melakukan refleksi di Lampiran 4 tentang perkara yang menarik atau mengesankan tentang sajak 'Jalan Permulaan'.

# Lampiran #1

## Jalan Permulaan

(Buat Suri, Lita & Taufiq)

I

Singapuraku  
aku mengerti  
di sini darah ibuku tumpah  
di sini tulang-belulangku akan (1) \_\_\_\_\_  
di sini anak-anakku (2) \_\_\_\_\_  
seperti paya terus melebar  
di atas batu-bata & pasir-masir bertakhta  
lalu manusia seribu tahun (3) \_\_\_\_\_

Laut tempatku (4) \_\_\_\_\_ ikan  
bukit tempatku (5) \_\_\_\_\_ rambutan  
sudah (6) \_\_\_\_\_ dilanda batu bata,  
Pak Lasim tak bisa lagi (7) \_\_\_\_\_ penghulu  
pulaunya sudah dicabut dari peta kepalanya  
anak buah sudah terdampar  
di batu-bata dan pasir-masir hangat

Aku kehilangan lautku  
aku kehilangan bukitku  
aku kehilangan diriku

II

Di hutan padang pasir  
anak-anak (8) \_\_\_\_\_ kepalanya  
mereka (9) \_\_\_\_\_ pasir bagai anjing-anjing  
terhendap hidu di hujung pasir tandus  
(10) \_\_\_\_\_ sesuatu di dalam tulang-belulang  
tanpanya bulan mati mentari lesu.

Antara mereka bersembunyi  
di balik huruf kudus alif-lam-mim  
dengan kerudung (11) \_\_\_\_\_ buatan Hadratulmaut  
(12) \_\_\_\_\_ dunia sudah di kelengkang syaitan  
lalu mereka tidak kenal air dan benci nasi

Dari corong-corong ke langit  
tersedu seribu racun  
dari sungai ke laut lepas  
(13) \_\_\_\_\_ seribu ubat bertuba  
nafasku berhenti di tenggorok  
dan isi laut separuh maut

Aku kehilangan beliauku  
Aku kehilangan udara bersihku  
Aku kehilangan namaku.

III

Kemudian  
lagu empat (14) \_\_\_\_\_ lagi  
kadang-kala hilang Satu  
aku tidak tahu apakah nanti tinggal dua?  
akhirnya tinggal satu demi (15) \_\_\_\_\_  
waktu  
aku bersatu dengan isteri & anak-anak  
pabila kapal mahu berangkat lagi

Singapuraku  
aku (16) \_\_\_\_\_ sekali  
di sini tempatku  
tapi aku tidak tahu bila  
aku akan (17) \_\_\_\_\_ segala kehilanganku?

Paya Lebar Airport  
2 Julai 1975

Klik pautan untuk menonton deklamasi sajak  
'Jalan Permulaan' oleh Cikgu Suratman  
Markasan



# Lampiran #2

## Jalan Permulaan

I  
Singapuraku  
aku mengerti  
di sini darah ibuku tumpah  
di sini tulang-belulangku akan merapuh  
di sini anak-anakku membesar  
seperti paya terus melebar  
di atas batu-bata & pasir-masir bertakhta  
lalu manusia seribu tahun menghamba

Laut tempatku menangkap ikan  
bukit tempatku mencari rambutan  
sudah menghutan dilanda batu bata,  
Pak Lasim tak bisa lagi menjadi penghulu  
pulaunya sudah dicabut dari peta kepalanya  
anak buah sudah terdampar  
di batu-bata dan pasir-masir hangat

Aku kehilangan lautku  
aku kehilangan bukitku  
aku kehilangan diriku

II  
Di hutan padang pasir  
anak-anak menggantungkan kepalanya  
mereka mengoyak pasir bagai anjing-anjing  
terhendap hidu di hujung pasir tandus  
mencari sesuatu di dalam tulang-belulang  
tanpanya bulan mati mentari lesu.

Antara mereka bersembunyi  
di balik huruf kudus alif-lam-mim

dengan kerudung memutih buatan  
Hadratulmaut  
mendakwa dunia sudah di kelengkang  
syaitan  
lalu mereka tidak kenal air dan benci nasi

Dari corong-corong ke langit  
tersedu seribu racun  
dari sungai ke laut lepas  
mengalir seribu ubat bertuba  
nafasku berhendti di tenggorok  
dan isi laut separuh maut

Aku kehilangan beliauku  
Aku kehilangan udara bersihku  
Aku kehilangan namaku.

III  
Kemudian  
lagu empat menggema lagi  
kadang-kala hilang Satu  
aku tidak tahu apakah nanti tinggal dua?  
akhirnya tinggal satu demi memburu waktu  
aku bersatu dengan isteri & anak-anak  
pabila kapal mahu berangkat lagi

Singapuraku  
aku mengerti sekali  
di sini tempatku  
tapi aku tidak tahu bila  
aku akan menemui segala kehilanganku?

Paya Lebar Airport  
2 Julai 1975



Klik pautan untuk menonton deklamasi sajak  
'Jalan Permulaan' oleh Cikgu Suratman  
Markasan

# Lampiran #3

## Jalan Permulaan

Arahan:

Catat semula semua kata kerja yang dikenal pasti dan cari makna perkataan tersebut

SN	Kata Kerja	Maknanya
1		
2		
3		
4		
5		
6		
7		
8		
9		
10		
11		
12		
13		






# Lampiran #4

## Jalan Permulaan

Catat perkara yang menarik atau mengesankan tentang sajak 'Jalan Permulaan' oleh Cikgu Suratman Markasan.



# Saranan Pengajaran #3

## Doa dan Wasiat

Kemahiran Mendengar, Membaca & Berfikir

### Saranan Pengajaran

#### Hasil Pembelajaran Umum:

- Mengukuhkan pemahaman tentang kata adjektif;
- Menonton deklamasi sajak 'Doa dan Wasiat' untuk mengenal pasti kata adjektif yang betul bagi melengkapkan sajak yang disediakan; dan
- Memberikan pandangan tentang mesej sajak 'Doa dan Wasiat'.

#### Catatan:

- Klik pautan untuk menonton deklamasi sajak '[Doa Dan Wasiat](#)' oleh Cikgu Suratman Markasan
- Melengkapkan sajak 'Doa Dan Wasiat' menggunakan kata adjektif di Lampiran 1
- Semak jawapan dalam Lampiran 2
- Gunakan Lampiran 3
- Gunakan Lampiran 4



# Saranan Pengajaran #3

## Doa dan Wasiat

### Aktiviti Pembelajaran

- Guru memberikan penerangan ringkas tentang Sajak 'Doa dan Wasiat'. Guru menerangkan makna perkataan 'Doa' dan 'Wasiat'.
- Pelajar menonton deklamasi sajak 'Doa dan Wasiat' oleh Cikgu Suratman Markasan.
- Sambil menonton dan mendengar deklamasi sajak 'Doa dan Wasiat' yang disampaikan oleh Cikgu Suratman, pelajar melengkapkan sajak yang disediakan dalam Lampiran 1 menggunakan kata adjektif yang sesuai.
- Pelajar menyemak kata adjektif yang mereka dengar dan menyemak sama ada jawapan mereka betul atau tidak dengan merujuk Lampiran 2 (Sajak 'Doa dan Wasiat').
- Pelajar mencatat 5 kata adjektif yang tidak lazim mereka gunakan dalam Lampiran 3. Setelah itu, pelajar membina ayat menggunakan setiap kata adjektif yang telah mereka pilih.
- Setelah itu, pelajar menonton sekali lagi deklamasi sajak 'Doa dan Wasiat'.
- Secara individu, pelajar melakukan refleksi tentang mesej yang ingin disampaikan dan menjelaskan mengapa hal tersebut menarik atau mengesankan kepada pelajar dalam Lampiran 4.



# Lampiran #1

## Doa & Wasiat



Klik pautan untuk menonton deklamasi sajak  
'Doa dan Wasiat' oleh Cikgu Suratman Markasan



# Lampiran #1

## Doa & Wasiat

Aku tak berdoa untuk anak-anakku  
menjadi \_\_\_\_\_  
kerana \_\_\_\_\_ akan  
membecinya orang tak punya

Aku tak berdoa untuk anak-anakku  
menjadi \_\_\_\_\_  
kerana \_\_\_\_\_ akan  
menyesatkan jalan pulang

Aku tak berdoa untuk anak-anakku  
menjadi orang \_\_\_\_\_  
kerana yang \_\_\_\_\_ akan  
merampas kebebasan manusia

Aku tak berdoa untuk anak-anakku  
menjadi orang \_\_\_\_\_  
kerana mereka akan  
membohongi isteri dan pengundinya

Aku hanya berdoa untuk anak-anakku  
\_\_\_\_\_ di dunia \_\_\_\_\_ di akhirat  
kerana \_\_\_\_\_ di dunia  
tak merampas wang ahli neraka  
\_\_\_\_\_ di akhirat  
tak mencabut bahagia ahli syurga.

Washington DC  
25 September 1988  
Potret Isteri Yang Hiang, DBP, 1993



Klik pautan untuk menonton  
deklamasi sajak 'Doa dan  
Wasiat' oleh Cikgu Suratman  
Markasan

# Lampiran #2

## Doa dan Wasiat

Aku tak berdoa untuk anak-anakku  
menjadi \_\_\_\_\_  
kerana \_\_\_\_\_ akan  
membecinya orang tak punya


Aku tak berdoa untuk anak-anakku  
menjadi \_\_\_\_\_  
kerana \_\_\_\_\_ akan  
menyesatkan jalan pulang

Aku tak berdoa untuk anak-anakku  
menjadi orang \_\_\_\_\_  
kerana yang \_\_\_\_\_ akan  
merampas kebebasan manusia

Aku tak berdoa untuk anak-anakku  
menjadi orang \_\_\_\_\_  
kerana mereka akan  
membohongi isteri dan pengundinya

Aku hanya berdoa untuk anak-anakku  
\_\_\_\_\_ di dunia \_\_\_\_\_ di akhirat  
kerana \_\_\_\_\_ di dunia  
tak merampas wang ahli neraka  
\_\_\_\_\_ di akhirat  
tak mencabut bahagia ahli syurga.

Washington DC  
25 September 1988  
Potret Isteri Yang Hiang, DBP, 1993



# Lampiran #3

## Doa dan Wasiat

Aku tak berdoa untuk anak-anakku  
menjadi kaya  
kerana kaya akan  
membecinya orang tak punya

Aku tak berdoa untuk anak-anakku  
menjadi senang  
kerana senang akan  
menyesatkan jalan pulang

Aku tak berdoa untuk anak-anakku  
menjadi orang berkuasa  
kerana yang berkuasa akan  
merampas kebebasan manusia

Aku tak berdoa untuk anak-anakku  
menjadi orang terhormat  
kerana mereka akan  
membohongi isteri dan pengundinya

Aku hanya berdoa untuk anak-anakku  
bahagia di dunia sentosa di akhirat  
kerana bahagia di dunia  
tak merampas wang ahli neraka  
sentosa di akhirat  
tak mencabut bahagia ahli syurga.

Washington DC  
25 September 1988  
Potret Isteri Yang Hiang, DBP, 1993





# Lampiran #4

## Doa dan Wasiat

### Arahan:

Catat 5 kata adjektif yang tidak lazim kamu dengar dalam sajak 'Doa dan Wasiat'. Kemudian bina ayat bagi setiap kata adjektif tersebut dalam ruang yang disediakan.

### Catat 5 Kata Adjektif

1. ....
2. ....
3. ....
4. ....
5. ....



# Lampiran #5

## Doa dan Wasiat

*Apakah mesej sajak 'Doa dan Wasiat'?*

.....

.....

.....

.....

*Jelaskan perkara yang menarik dan mengesankan berkaitan sajak 'Doa dan Wasiat'.*

.....

.....

.....

.....



# Saranan Pengajaran #4

## Potret Isteri Yang Hilang

Kemahiran Mendengar, Membaca dan Menyampaikan

### Saranan Pengajaran

#### Hasil Pembelajaran Umum:

- Membaca dan berbincang untuk memahami tema dan mesej sajak '**Potret Isteri Yang Hilang**'; dan
- Menyampaikan pandangan tentang '**Potret Isteri Yang Hilang**' dan cara-cara positif yang boleh dilakukan setelah mengalami peristiwa sedih

#### Catatan:

- Mainkan video di pautan berikut (dari minit 6:37 hingga 8:07).
- **Lampiran 1** - Video deklamasi sajak 'Potret Isteri Yang Hilang'.
- Sajak lengkap di **Lampiran 2**



# Saranan Pengajaran #4

## Potret Isteri Yang Hilang

### Aktiviti Pembelajaran

Pada tahun 1987, berlaku satu tragedi besar dalam kehidupan Cikgu Suratman. Pada 26 Jun 1987, isteri beliau, Almarhumah Cikgu Saerah Taris, mendapat kemalangan, dilanggar kereta tidak jauh daripada rumahnya sehingga meninggal dunia. Ketika itu, anak-anak beliau tidak ada di rumah. Kedua-dua anak perempuan beliau sedang belajar di luar negara dan anak lelaki masih dalam perkhidmatan negara. Beberapa bulan kemudian, ibu Cikgu Suratman juga meninggal dunia pada tahun yang sama.

- Guru memberikan penerangan ringkas tentang tragedi yang menimpa Cikgu Suratman Markasan.
- Kemudian, guru memainkan video berkaitan dengan kemalangan yang menimpa isteri Cikgu Suratman Markasan.
- Pelajar menonton deklamasi sajak 'Potret Isteri Yang Hilang' oleh Cikgu Suratman Markasan. Sambil mendengar deklamasi sajak yang disampaikan, pelajar turut membaca sajak yang disediakan Lampiran 1 & 2.

# Saranan Pengajaran #4

## Potret Isteri Yang Hilang

### Aktiviti Pembelajaran

- Pelajar diminta untuk memberikan reaksi dan pandangan mereka setelah menonton Cikgu Suratman mendeklamasikan sajak 'Potret Isteri Yang Hilang' secara lisan. Pelajar memberikan pandangan berdasarkan soalan: Apakah tema dan mesej sajak Potret Isteri Yang Hilang? Apakah pandangan atau perasaan kamu setelah menonton deklamasi sajak tadi? Jelaskan.
- Pelajar berbincang tentang cara-cara yang boleh dilakukan apabila seseorang mengalami peristiwa sedih dan memberikan penjelasan sebab-sebabnya perlu melakukan perkara-perkara yang positif setelah mengalami peristiwa sedih.
- Pelajar menyelesaikan tugas interaksi lisan di Lampiran 3.
- Pelajar melakukan refleksi tentang satu perkara yang mereka pelajari daripada aktiviti pembelajaran yang dilalui.



# Lampiran #1

## Potret Isteri Yang Hilang



Klik pautan untuk menonton deklamasi sajak 'Potret Isteri yang Hilang' oleh Cikgu Suratman Markasan

# Lampiran #2

## Potret Isteri Yang Hilang

Aku berkelana jauh  
aku mencari. Tak tahu saat bila  
sungai apa bermuara wajahnya  
hutan hijau berpucuk hatinya  
cakerawala mana merangkul tangannya  
suara siapa yang menggelepar di benakku  
ayat-ayat siapa yang menggoda telingaku?


fikirku terbang berputar-putar  
aku mencakar-cakar dengan hatiku  
mencari potret isteri yang hilang  
budinya sepanjang laut biru terbuka  
hatinya awan bergerak pada mentari & bulan  
sajaknya kunyanyikan di lipatan suteraNya

pabila tiba angin meraba dingin  
mataku merangkul seluruh hidupnya  
tanganku meraba seluruh katanya  
tapi jiwaku berdaya menemui kekosonganku

di jalur dalam malaikatNya  
aku bertemu ayatNya yang nyata:  
Kemudian sesudah itu kalian benar-benar mati  
aku berada di dalam rangkulang suteraNya

lampu-lampu sudah pudar kelabu  
potret kekasih bila tak kutemu  
doaku terus memanjat tiang arasyNya  
kamarku yang gelap turut menangis  
aku tertidur dalam rangkulan suteraNya  
kerana begitu Pencipta memberi beritaNya.

Ohio, USA  
20 Sep 1988  
Potret Isteri Yang Hilang, DBP, 1993



# Lampiran #3

## Potret Isteri Yang Hilang

**Tajuk: Cara-cara positif yang boleh dilakukan selepas mengalami peristiwa sedih**

**Arahan:**

Baru-baru ini kamu mendapat tahu kawan kamu Raihan baru sahaja mengalami satu peristiwa sedih. Raihan gagal dalam ujian Bahasa Melayu pada Penggal 1. Kamu ingin memujuk Raihan agar tidak bersedih. Kirimkan satu hantaran untuk menasihati Raihan agar melakukan perkara-perkara yang positif yang dapat menghilangkan perasaan sedihnya. Panjang hantaran kamu tidak kurang daripada 100 perkataan.

Raihan, saya tahu kamu sedang bersedih. Saya ingin menyarankan agar.....

.....

.....

.....

.....

.....

# Saranan Pengajaran #5

## Yang Bernama Guru

**Kemahiran Mendengar, Membaca Berfikir**

### Saranan Pengajaran

#### Hasil Pembelajaran Umum:

- Menonton video dan sajak serta berbincang tentang tugas dan tanggungjawab seorang guru; dan
- Memberikan pandangan dan menyampaikan e-mel untuk memohon maaf kepada guru.

#### Catatan:

- Klip video tentang guru
- Lampiran 1 - Deklamasi sajak 'Yang Bernama Guru' oleh Cikgu Suratman Markasan
- Sajak 'Yang Bernama Guru' di Lampiran 2
- Guru boleh menggunakan Lampiran 3 dalam aktiviti pembelajaran





# Saranan Pengajaran #5

## Yang Bernama Guru

### Aktiviti Pembelajaran

- Guru memberikan penerangan ringkas tentang peranan seorang guru. (Sesuai diajarkan semasa minggu Hari Guru).
- Pelajar menonton satu klip video tentang pengorbanan seorang guru. Kemudian memberikan pendapat tentang apa yang ditonton.
- Pelajar menonton deklamasi sajak 'Yang Bernama Guru' oleh Cikgu Suratman Markasan. Lihat Lampiran 1.
- Pelajar menonton sambil meneliti sajak 'Yang Bernama Guru' di Lampiran 2.
- Pelajar berbincang dan mencatat tentang tugas dan peranan seorang guru dalam Lampiran 3.
- Guru memudah cara perbincangan dan memberikan peluang untuk pelajar memberikan pandangan dan berbincang.
- Setelah pelajar menonton sekali lagi deklamasi sajak 'Yang Bernama Guru', menulis e-mel kepada guru tentang perkara yang telah ditetapkan oleh guru.
- Secara individu, pelajar melakukan refleksi tentang perkara yang menarik tentang deklamasi deklamasi sajak yang disampaikan oleh Cikgu Suratman.

# Lampiran #1

## Yang Bernama Guru



Klik pautan untuk menonton deklamasi sajak 'Yang Bernama Guru' oleh Cikgu Suratman Markasan

# Lampiran #2

## Gang Bernama Guru

Guru adalah mata  
yang memandang jauh ke dalam  
lubuk hati anak didiknya  
yang mendengar jauh di belakang  
setiap anak didiknya  
yang berpacaran tak kelihatan

guru adalah hidung  
yang menghidu  
setiap gerak bau anak didiknya  
guru adalah tangan  
yang memindah jujur  
setiap anak didiknya  
dari tempat yang gelap ke tempat bercahaya

apakah aku yang bernama guru  
yang sentiasa punya pancaindera  
yang tercabik-cabik  
tidak menghitung anak didik dan diri  
atau aku yang bernama guru  
yang sentiasa berusaha menilai diri?

Woodlands Avenue One  
21 April 2003  
Puisi-puisi Pencarian, 2013



# Lampiran #3

## Yang Bernama Guru

**Arahan:** Berdasarkan klip video yang ditonton, berikan pandangan kamu tentang tugas seorang guru.

**Pandangan saya tentang tugas seorang guru.**





# Lampiran #4

## Gang Berhanda Guru

### Tugas Guru

### Peranan Guru

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....



# Lampiran #5

## Yang Bernama Guru

**Arahan:**

Kamu telah melakukan suatu perkara yang tidak patut kamu lakukan kepada guru kamu. Sudah beberapa kali guru kamu telah menasihatkan kamu agar mengubah sikap kamu. Kamu amat menyesal kerana telah mengecewakan guru kamu.

Tulis sebuah e-mel tidak formal untuk menyatakan kekesalan kamu yang telah mengecewakan guru kamu dan memohon maaf kepada guru kamu. Panjang e-mel kamu tidak kurang daripada 120 perkataan.



# Kesimpulan

Dalam usaha memupuk rasa cinta pada bahasa dan budaya Melayu, guru boleh merancang dan melaksanakan pelbagai cara dan pendekatan yang dianggap sesuai dan menepati keperluan pembelajaran pelajar. Diharapkan idea dan bahan-bahan yang dikongsi telah memberikan para guru sedikit idea yang boleh digunakan dan menjadi pencetus bagi lahirnya pembinaan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna bagi para pelajar.



Dalam usaha memupuk rasa cinta pada bahasa dan budaya Melayu, guru boleh merancang dan melaksanakan pelbagai cara dan pendekatan yang dianggap sesuai dan menepati keperluan pembelajaran pelajar. Diharapkan idea dan bahan-bahan yang dikongsi telah memberikan para guru sedikit idea yang boleh digunakan dan menjadi pencetus bagi lahirnya pembinaan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna bagi para pelajar.

Semoga para guru terus berusaha untuk memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar menerusi pelbagai cara demi memperluas proses pembelajaran dan memperdalam pemahaman pelajar tentang bahasa dan budaya Melayu. Diharapkan usaha ini menyokong proses pembelajaran pelajar agar mencintai bahasa dan budaya serta menghargai sumbangan generasi perintis dalam membangun negara Singapura yang kita cintai bersama.



Terima Kasih

